

Sempena Seabad Kelahiran Dr MAS
DEMI BAHASA

دَمِي بَهَاسْ



Kumpulan Esei
MOHD RAMAN DAUD

Sempena Seabad Kelahiran Dr MAS

DEMI BAHASA

Kumpulan Esei

MOHD RAMAN DAUD



Penulis

©Mohd Raman Daud

Cetakan Pertama

Tahun 2024

ISBN: 978-981-94-0807-8

Penerbit



BERITA

Hak cipta terpelihara. Tiada sebarang bahagian daripada buku ini boleh disalin atau dihasilkan dalam sebarang bentuk tanpa izin daripada penulis dan penerbit.

Dengan Kerjasama



An Institute of



NANYANG
TECHNOLOGICAL
UNIVERSITY
SINGAPORE



SEUNTAI KATA

Dalam rangka memperingati bakti besar Pendeta Dr Muhammad Ariff Ahmad (1924–2016) kepada Singapura dan rumpun Melayu, kami terbitkan kumpulan esei penolong dan anak didiknya, Mohd Raman Daud, untuk menyusuri laluan masa depan perkembangan bahasa dan budaya Melayu di Singapura.

Semua 15 eseи di dalam buku kecil ini telah diterbitkan di laman BERITA Mediacorp sejak penulis mengajukan sumbangannya dari awal 2018 sehingga kini. Kami sengaja memilih bidang bahasa, sastera dan budaya yang merupakan tukikan penulis.

Oleh itu, sebagaimana paparan eseи-eseи ini yang mendapat sambutan baik di laman, maka diharap pembukuannya akan menjadi bukti kegigihan BERITA Mediacorp untuk melestari dan mengembangkan Bahasa Melayu. Semoga rampai sari ini bermanfaat untuk pembaca budiman. Selamat membaca.

SUJADI SISWO

*Ketua Editor Berita & Ehwal Semasa dan
Ketua Perhubungan Masyarakat Melayu
Mediacorp*



BUKU ini diterbitkan sempena memperingati Seabad Kelahiran Pendeta Dr Muhammad Ariff Ahmad atau lebih dikenali sebagai MAS. Penghormatan itu sebagai sanjungan kepada sumbangan besar almarhum (1924–2016) dalam bidang bahasa, sastera, kebudayaan, persefahaman silang budaya dan gerakan kolektif (pertubuhan) beliau, termasuk di Lembaga Rayuan MUIS dan masjid.

Beliau telah menghasilkan lebih 50 judul karya kreatif dan bukan cereka termasuk buku teks sekolah sehingga adikarya yang mengupas kepentingan nilai Islam dalam adat Melayu, *Nilam* (2007).

“Cikgu Ariff seorang insan biasa tetapi dengan bakti luar biasa dalam setiap bidang masyarakat Melayu dan juga di peringkat nasional dan kerantauan serantau. Beliau telah menuntun ribuan guru Bahasa Melayu. Kepimpinannya terserlah dalam mendirikan Angkatan Sasterawan ’50, Majlis Pelajaran Melayu, menjayakan tiga kongres bahasa dan persuratan serta sejumlah badan. Beliau dirujuk oleh badan pemerintah dan badan serantau.”

“Demi mengenang beliau, maka endowmen ini dibentuk sebagai penerus wawasannya di peringkat nasional dan antarabangsa,” ujar Prof Madya Emeritus Dr Hadijah Rahmat, mantan Ketua Kumpulan Bahasa dan Budaya Asia di Institut

Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang (NIE-NTU).

Sebuah Dana Endowmen Pengajian Melayu Dr Muhammad Ariff Ahmad telah ditubuhkan di NIE-NTU. Kejayaan penubuhannya merupakan hasil usaha Jamiyah Singapura (2012-2014) dan disambung pula dengan Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM) yang dipengerusikan mantan Anggota Parliment dan tokoh masyarakat, Hj Wan Hussin Zoohri yang kemudian diteruskan oleh Hj Suhami Salleh. Urus setianya kendalian LBKM.

Antara lain, Dana MAS telah diberikan kepada sejumlah calon doktorat (Ph.D) dan sarjana serta projek khas kumpulan Universiti Sains Malaysia. Ia juga digunakan untuk membangun Pusat Sumber Dr Muhammad Ariff Ahmad (MAS) di NIE-NTU.

BERITA Mediacorp berbesar hati dapat bersama-sama dalam menjayakan sambutan peringatan ini menerusi bingkisan kecil iaitu sebuah e-buku dan sejumlah buku cetak untuk sumbangsih khas. Semoga bermanfaat.



Foto 7 Mac 1998 di acara ceramah Institut Townsville: Cikgu Ariff dan penulis.



KANDUNGAN



DEMI BAHASA

Kumpulan esei
Mohd Raman Daud

ISI

HALAMAN

| | |
|--|----|
| 1. Sikap dan Pesan Bahasa Bapa Nusa | 1 |
| 2. Mengenang Bakti Tokoh Dwibudaya..... | 5 |
| 3. Pantau Bahasa Kita Yang Menjagat | 9 |
| 4. Iktibar Empat Perdana Menteri Berbahasa Melayu..... | 13 |
| 5. Pakaian Melayu Yang Dikurungkan Agama..... | 17 |
| 6. Hari Raya Kurang Meriah Tanpa Lagunya | 23 |
| 7. Kunci Menyingkap Manuskrip Melayu..... | 29 |
| 8. Strategi Agar Bahasa Melayu Lebih Strategik..... | 33 |
| 9. Semarakkan Seni Pelipur Lara Dalam Zaman AI..... | 37 |
| 10. Tekad Besar Menghidupi Sastera | 41 |

| | |
|--|----|
| 11. Menjejaki Rumpun Melayu dan Menyusuri Tamadun Kebanggaannya | 45 |
| 12. Hab dan Jambatan Bahasa dan Budaya Jagat..... | 49 |
| 13. Jangan Biarkan Bahasa Melayu Hidup Melata..... | 55 |
| 14. Mengukur Keberkesanan Bulan Bahasa..... | 59 |
| 15. Kuda Kepang Dalam Batas Seni | 65 |

1



SIKAP DAN PESAN BAHASA BAPA NUSA

BAGI kebanyakan orang rumpun Melayu, antara keunggulan Perdana Menteri Pengasas Singapura, Lee Kuan Yew (1923–2015) tentulah pada kefasihannya menggunakan Bahasa Melayu (BM), selain Inggeris dan Cina (Mandarin).

Terkenang saya akan wawancara dengan Pendeta Dr Muhd Ariff Ahmad (@Cikgu Ariff, 1924–2016) seminggu selepas Encik Lee berpulang pada 23 Mac 2015:

“Saya masih ingat dia antara segelintir cendekia yang punya impian gah. Waktu itu, kami baru kenal di sekolah Syonan Nippon Gakuen pada 1943. Guru Jepun bertanya murid-murid tentang cita-cita kami”.

“Kata Kuan Yew: cita-citanya adalah menjadi pemimpin negara dan membebaskan Malaya daripada British.”

“Memandangkan diayah Jepun adalah membebaskan Asia daripada penjajah Barat, maka kata-katanya dapat sanjungan.”

Untuk menjadi jurubahasa Jepun/Inggeris, Encik Lee ditempatkan dalam kelas Sakura. Bagi pelatih jurubahasa Jepun/Melayu pula, Cikgu Ariff dan Encik Ismail Mohd Said (mantan pegawai tinggi Kementerian Pendidikan dan kemudian Presiden Majlis Ugama Islam Singapura) diletakkan dalam kelas Usagi (arnab).

Menurut Cikgu Ariff, penjajah Tentera Dai Nippon perlu merekrut sebanyak mungkin jurubahasa untuk membaca maklumat dan menghebahkan kepada orang ramai dan membantu pegawai tinggi mereka berkomunikasi dengan rakyat setempat.

ARIF MELAYU

Semasa majlis jamuan teh anjuran pimpinan Melayu di Hotel Raffles pada 27 September 2003, Encik Lee telah mengimbas zaman kecilnya berkawan dengan ramai anak Melayu dan kaum lain di Sekolah Inggeris Telok Kurau yang dekat dengan rumahnya. Keluarganya bertutur Bahasa Melayu (loghat Baba atau Cina Peranakan) dan Inggeris.

Ketika menuntut di Maktab Raffles [kini Universiti Nasional Singapura (NUS)], beliau bersua anak Melayu elit dari Malaya yang didapatinya ‘berbeza’ daripada anak Melayu Singapura.

Sejarah menunjukkan kaum Baba memang akrab dengan orang Melayu dalam banyak bidang termasuk penerbitan buku, majalah dan akhbar seperti Bintang Timor, pementasan bangsawan dan muzik serta juadah.

Sekembalinya dari Cambridge dengan ijazah kepujian undang-undang, Encik Lee mula terlibat langsung dalam masyarakat Melayu, termasuk berjaya membebaskan empat lelaki Melayu daripada hukuman mati kerana dikaitkan dengan rusuhan Nadrah pada 1950.

Beliau menjadi penasihat guaman bagi sejumlah kesatuan yang ramai ahlinya adalah orang Melayu – posmen, kelasi dan pekerja pelabuhan yang diam di kuarters Tanjong Pagar. Malah beliau juga berkhidmat dengan Kesatuan Guru Melayu Singapura (KGMS) dan juga akhbar berpengaruh, Utusan Melayu.

Di samping itu, Encik Lee memastikan anak-anaknya juga belajar BM asuhan Cikgu Muhammad Amin Shafawi (1936–2020) sejak 1957. Terdahulu Encik Lee dan isterinya dikatakan mengasah bahasa dengan budayawan, Cikgu Mahmud Ahmad (1906–1976).

MEMBELA BAHASA

Apabila kerajaan penjajah British menampilkan dasar ubah haluan pendidikan (dipanggil Reorientation Plan) untuk melupuskan sekolah Melayu, banyak badan Melayu bersatu demi menentangnya.

Maka terbentuklah Majlis Pelajaran Melayu. Menurut Cikgu Ariff, pemerintahan sendiri (self-government) pimpinan Ketua Menteri Lim Yew Hock gagal bertindak. Sebaliknya, Parti Tindakan Rakyat (PAP) pimpinan Encik Lee lebih bersympati.

Encik Lee telah meraih tuah politiknya di kawasan undi Tanjong Pagar semasa Pilihan Raya 1955. Ternyata sokongan orang Melayu menunjanginya. Tambah Cikgu Ariff:

“Setelah PAP berkuasa dan Encik Lee pula menjadi perdana menteri, antara langkah pertama yang diumumkannya ialah Bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan Singapura dan membangun sekolah menengah Melayu. Hal ini menambat hati ramai pejuang Bahasa Melayu, terutama Majlis Pelajaran Melayu.”

Langkah Encik Lee memang bernilai strategik dalam rangka menuntut kemerdekaan Singapura yang hanya direstui British “dengan syarat menyertai” Persekutuan Malaysia.

Encik Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura semasa di perhimpunan kemenangan Parti Tindakan Rakyat (PAP) pada 3 Jun 1959.



Lee Kuan Yew,

Antara lain sebagai persiapan besar, BM diajarkan secara meluas termasuk dalam kalangan siswa aliran pendidikan Cina di Nantah (Universiti Nanyang) dan kakitangan awam yang dijanjikan kenaikan gaji dan pangkat.

Namun suasana Singapura bersama Malaysia bergelora sehingga tercetus rusuhan kaum berdarah pada 1964. Ia berakhir apabila Malaysia memutuskan untuk berpisah yang menyerahkan kemerdekaan watan ini pada 1965.

Kesannya amat meruntun ‘semangat’ Melayu Singapura, termasuk kedudukan bahasanya apabila Dewan Bahasa dan Kebudayaan Melayu di Kementerian Kebudayaan ditutup pada 1968.

RUMUS PENAKATAN

Menurut Cikgu Ariff, kesan Perpisahan itu telah merubah haluan penakatan Singapura, termasuk dalam penggubalan dasar bahasa.

Dengan penekanan kepada Bahasa Inggeris yang dominan dalam rangka untuk Singapura menjadi hab jagat, BM terpinggir kepada sekadar nama Bahasa Kebangsaan untuk Lagu Kebangsaan dan perintah perbarisan.

Mantan Menteri Negara Kanan, Hj Sidek Saniff, dalam memoirnya, *Langkah Liku Selayang Pandang* (2018), berhujah betapa KGMS pimpinannya pada 1971, telah cuba menampilkkan sebuah huraian bagi Singapura – Sistem Pendidikan Kebangsaan yang memberikan keutamaan kepada BM sebagai Bahasa Kebangsaan, Inggeris sebagai bahasa ilmu dan kebebasan memilih Bahasa Ibunda.

Namun langkah KGMS telah dicap ‘cauvinis’ oleh PM Lee yang juga berdepan dengan tuntutan serupa daripada para cendekiawan aliran pendidikan Cina.

Sebagai jalan keluar untuk mengimbangi pembangunan dan kemantapan budaya warga Singapura yang berbilang kaum, Encik Lee telah menekankan perihal pentingnya Dasar Dwibahasa.

Dasar ini mengutamakan penguasaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda (Melayu, Cina, Tamil dan selanjutnya). Demi memanfaatkan pembukaan China sebagai kuasa ekonomi baharu, beliau melestarikan beberapa sekolah Cina.

KELANJUTAN

Apakah legasi atau Pusaka Lee Kuan Yew dari segi bahasa akan berterusan?

Mutakhir ini, timbul kebimbangan mengenai kesan dominan Bahasa Inggeris kepada pemudaran Bahasa Ibunda.

Misalnya, keluarga Melayu, masjid dan pertubuhan Melayu sendiri hari ini kian kelu berbahasa Melayu. Bahkan kian mekar kelas agama dan madrasah di masjid berbahasa Inggeris. Dalam sembang biasa sekalipun, BM terasa kelu.

Masa depan bahasa – bak pesan kental Encik Lee – perlu dilestari dan dimajukan secara berdisiplin atas usaha sendiri, keluarga, masyarakat dan pemerintah.

Selain Dasar Dwibahasa, beliau sempat pada sisa usianya untuk mewasiatkan Dana Dwibahasa demi menggalakkan pertumbuhan bahasa-bahasa ibunda.

Justeru, yang paling terkesan tentulah kaum Melayu yang walaupun golongan minoriti tetapi berada di tengah-tengah rantau Melayu. Terpulanglah kepada kita untuk menghayati pesannya.

Diterbitkan pada 17 Sep 2023

2



MENGENANG BAKTI TOKOH DWIBUDAYA

BAPA perkamusan Mandarin-Melayu, Dr Yang Que Yee (@ Yang Guiyi atau nama penanya Ma Chin) telah berpulang pada usia 93 tahun pada 30 Mei lalu, dengan meninggalkan warisan amat berharga.

Masih segar dalam ingatan saya akan peristiwa beliau dan isterinya, Chan Maw Woh (@ Chen Miahua atau nama penanya, Tinoh, 1937-) diraikan Majlis Buku Singapura (SBC) dengan Anugerah Pencapaian pada 25 September 2021. Saya diminta untuk menyampaikan ucapan penghargaan atau semacam watikah buat pasangan ini.

Sejak awal 1960-an, pasangan ini telah menghasilkan, antara lain, 17 kamus dwibahasa Mandarin-Melayu dan tribahasa iaitu Mandarin-Melayu-Inggeris yang amat berguna dan menjadi rujukan antarabangsa. Mereka juga menghasilkan puluhan buku sastera terjemahan dan kumpulan eseи.

ANAK PENOREH GETAH

Sebahagian besar kisah hidupnya tertinta pada buku, Memoir Yang Quee Yee – Penyusun Kamus Anak Penoreh (UKM, 2006). Beliau telah menghadiahkan buku kepada saya dengan layangan pena dakwatnya: “Untuk Sdr M.Raman Daud. Sahabat lawak, sebagai tanda tulus ikhlas...” Bertarikh 21 Nov 2005.

Mengapa saya dipanggil “sahabat lawak”?

Dr Yang atau lebih mesra, Pak Yang dan isterinya ikuti wisata ilmu ke kota Kunming, Yunan anjuran Gabungan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) pada 1994. Selaku peserta dan juga wartawan, saya meraih jasa “merpati sejoli” ini untuk terjemahan dan tunjuk ajar tentang budaya Cina.

Ketika itu, GAPENA pimpinan Prof Ismail Hussein (1932-2014) sedang gigih menjelajah ‘Dunia Melayu’ (iaitu tebaran atau diaspora rumpun Melayu). Antara lain, wilayah selatan China itu dipilih kerana Teori Yunnan cetusan saintis Austria, R.H. Geldern, dan rakan-rakannya yang mendakwa dari sinilah asal rumpun Melayu. Hal ini terakam dalam memoir Pak Yang.

Walaupun minoriti Muslim Cina atau Hui memang menonjol di Yunnan, namun sukar mendapatkan makanan dan minuman halal ketika itu. Pak Yang sempat melatih saya menggunakan sepit untuk makan bak orang Cina!

Di sebuah restoran Hui, terhidang juadah kaki katak panggang. Saya nyaris-nyaris menjamahnya. Mujur ditegur Pak Yang.

“Katak ialah binatang dua alam. Saya tahu ada orang Islam dilarang makan katak,” katanya. Jawab saya: “Wah, Pak Yang tahu tentang halal haram. Macam ustaz pulak.” Berderai tawa Pak Yang.

ARIF ALAM MELAYU

Hakikatnya, Pak Yang arif mengenai tamadun Melayu, termasuk Islam. Beliau belajar Bahasa Arab dan seorang peneliti silang budaya. Tidak hairanlah Prof Ismail Hussein menggelarkannya ‘pujangga’.

Antara lain, garapan ilmunya terpapar pada koleksi bahan bacaan yang diamanahkannya kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu 597 entri buku berbahasa Melayu. Beliau juga mendermakan koleksi bukunya yang berbahasa Cina kepada sebuah pertubuhan Cina di Malaysia.

Beliau dilahirkan sebagai anak penoreh getah pada 1931 di Parit Kawi sebuah kampung, di Pontian Johor. Pak Yang tetap rakyat Malaysia sehingga detik akhirnya.

Walau miskin, ibu bapanya mengutamakan pelajaran. Beliau bersekolah Cina di Pontian. Sejak kecil, beliau menolong ibu bapanya menoreh getah. Beliau pernah diremehkan oleh guru sekolah rendahnya bahawa masa depannya

sekadar penatang air (pembawa cawan) di kedai kopi. Dalam suasana dikelilingi masyarakat Melayu, ibunya fasih berbahasa Melayu. Dan ini mendorongnya untuk menguasai Bahasa Melayu termasuk belajar dengan guru Melayu bernama Cikgu Yusof di Johor Bahru.

Selepas melalui zaman sukar Pendudukan Jepun, beliau berpeluang belajar di Sekolah Tinggi Cina (Huazhong) di Bukit Timah dan menjekakkan kaki di Nantah (nama popular bagi Universiti Nanyang atau kini Universiti Teknologi Nanyang atau NTU). Ketika di Nantah (1956–1960), beliau sempat belajar Melayu, antara lain dengan berlanggan akhbar Utusan Melayu (tulisan Jawi). Malah beliau gigih mengajarkan Bahasa Melayu secara sukarela serta mengasuh akhbar kampus, Mimbar Universiti.

Semasa masih bersekolah di sini, beliau pernah diberkas bersama ramai pelajar Cina yang disyaki sebagai penyokong Komunis, dikurung dan dihantar kembali ke Pontian.

Pak Yang pernah sekejap menjadi wartawan akhbar Cina, Nanyang Siang Pau, sebelum menyambung pelajaran peringkat sarjana di Universiti Indonesia. Kerjaya seterusnya ialah sebagai setiausaha (sejak 1966 sehingga bersara) di Persatuan Pedagang Getah Singapura yang memberikan masa lentur untuknya menyusun kamus.

Versi memoirnya dalam bahasa Mandarin terbit pada 2007. Sayangnya beliau tidak sempat melihat versi Inggeris memoirnya yang bakal dilancarkan pada September ini.

JASA CENDEKIAWAN CINA

Pak Yang berada dalam puncak zaman menuntut kemerdekaan dari British di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura dengan semboyan merdeka yang menjulang Bahasa Melayu. Dalam suasana inilah, beliau menemui jodohnya, Puan Chan, yang berkongsi impian dan usaha penterjemahan. Mereka berumah tangga pada 1964.

Ramai mahasiswa Nantah dilaporkan gigih menekuni Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan (BK) menjelang terbentuknya Persekutuan Malaysia pada 1963. Antara lain, ini terpapar pada lukisan cat minyak mengenai kelas BK karya Chua Mia Tee pada tahun 1959.

Selain Pak Yang, perlu diingat bakti intelek aliran Cina dari Nantah yang telah mendalamai dan menyuburkan persuratan Melayu seperti Tan Ta Sen, Liaw Yock Fang, Goh Choo Keng dan Lim Huan Boon.

Mereka pernah akrab dengan para penulis Melayu seperti Masuri SN, Keris Mas, Asraf, MAS (Muhd Ariff Ahmad) dan Usman Awang daripada Angkatan Sasterawan (ASAS '50).

Selepas Singapura berpisah dari Persekutuan Malaysia yang membawa kepada kemerdekaannya, suasana berubah.

Keutamaan diberikan kepada Bahasa Inggeris sebagai bahasa kerja di nusa ini. Namun Pak Yang bertekad menghasilkan kamus sehingga diakui sejauh Universiti Pengajian Bahasa Asing Beijing yang mengundangnya sebagai profesor pelawat.

Bermula dengan latar hidup yang daif, perjuangan Pak Yang telah dihargai dengan pelbagai anugerah diterimanya termasuk gelaran doktor kehormat daripada UKM dan Anugerah Khas daripada Majlis Bahasa Melayu Singapura pada 2015.

Zaman Pak Yang sudah berlalu. Mutakhir ialah zaman Kecerdasan Buatan (AI) yang menampilkan terjemahan ‘kilat’ aneka bahasa. Apakah ada insan yang sanggup menyusuli jejaknya?

Alma materna, NTU, telah mengiktiraf baktinya. Tetapi wajar dikaji dan dirancangkan juga pembentukan dana dan biasiswa khas atas nama beliau agar lahir dan terpupuk tokoh baharu sebagai pembina jambatan dwibudaya.

diterbitkan pada 3 Jun 2024

3



PANTAU BAHASA KITA YANG MENJAGAT

KEJAYAAN Singapura telah menarik perhatian sejagat sehingga gakan bahasa kreolnya, Singlish, dipelajari di varsiti luar negara.

Apakah respons wajar kita? Suka atau tidak?

Trend mutakhir menunjukkan sejumlah perkataan Melayu diserap dalam Bahasa Inggeris yang ‘disingapurakan’ (Singlish) yang sudah dikenali sejauh London dan dituturkan sebilangan selebriti terkenal dunia.

Misalnya, semasa konsert sepekan (15 Mac–20 Mac 2024) di sini, penyanyi Amerika, Taylor Swift telah menyebut ‘alamak’ yang disambut gemuruh oleh peminat Singapura, Malaysia, Brunei dan Indonesia.

Singlish memang sering digunakan dalam iklan sebagai teknik pemasaran – misalnya, restoran makanan segera MacDonald’s menggunakan perkataan ‘makan’. Terkini, Pizza Hut telah menggunakan perkataan ‘sedap’ yang dikritik kerana tidak tepat konteksnya.

BAHASA DUNIA

Bahasa adalah wahana (bahasa Sanskerta: bermakna pengangkutan atau kenderaan) untuk menyampaikan maksud yang mudah sehingga laruh menimba

ilmu yang sukar. Untuk terus lancar dan maju, ujar Pendeta Dr Muhd Ariff Ahmad (1924–2016), berkata bahasa perlu memiliki beberapa syarat iaitu jumlah pengguna yang cukup ampuh, lentur nahu dan susunannya, bernilai ilmu dan ekonomi serta boleh direkayasa (dibangunkan dengan tersusun).

Hari ini bahasa besar atau yang paling luas ranah penggunaannya ialah Mandarin dengan 1.2 bilion penutur, diikuti Inggeris (1.05 bilion), Hindi (800 juta), Sepanyol, Perancis, Arab (*fusaha* atau baku) dan Bengali.

Bahasa Melayu sudah lama dianggap bahasa besar oleh para tokoh Barat termasuk Thomas Stamford Raffles, pemaju Singapura sebagai loji British. Dasar pragmatik pemerintah Singapura memaklumi bahawa walaupun penduduk majoritinya Cina, tetapi Inggeris dijadikan bahasa kerja dan Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan.

Bahasa Inggeris yang digunakan Singapura, hujah Prof Emeritus Edwin Thumboo, mantan ketua Jabatan Bahasa Inggeris Universiti Nasional Singapura (NUS) dan penyair berbahasa Inggeris yang tersohor, memanglah berasal daripada Britain dan perlu dikekalkan sebagai piawai. Perdana Menteri Pengasas Singapura Lee Kuan Yew (1923–2015) telah berpesan bahawa Singapura jangan sekali-kali cuba ‘merubah’ penggunaan Bahasa Inggeris yang baku di persada dunia demi memelihara daya saingnya.

Kebimbangan mendiang Encik Lee dikongsi oleh penerusnya, Encik Goh Chok Tong, yang telah melancarkan kempen Speak Good English, sehingga kata bual Singlish dalam siri komedi televisyen, Phua Chu Kang, telah disantuni.

Mengapa timbul Singlish?

Insan cepat jelak atau bosan pada yang baku. Timbul daya kreatifnya untuk ‘merubah’ secara tidak sengaja akan bahasa standard atau baku agar ‘melata’ dengan pengambilan daripada pelbagai sumber. Maka itu, Inggeris dari Britain yang dinilai ‘kaku’ telah direncam atau dirojakkan di Singapura dengan kemasukan perkataan Hokkien, Melayu dan sebagainya.

Buku Dr Gwee Li Siu, ‘Spiaking English’ (2016) boleh dikatakan agak ‘rinci’ dalam melukiskan suasana Singlish yang ada keindahannya. Menurutnya, trend ini akan berterusan.

Hakikatnya, pengalaman Bahasa Inggeris yang direncamkan dengan suasana tempatan (creolisation) tidak terhad di Singapura sahaja. Malah di mana-mana

pelosok dunia yang menggunakan Bahasa Inggeris atau Perancis dan sebagainya, terdapat usaha merojakkan atau dipanggil pembentukan bahasa kreol.

BAHASA MELAYU KREOL

Bahasa Melayu baku juga telah lama mengalami proses dikreolkan. Taraf Bahasa Melayu berpiawai, menurut Pendeta Dr Za'ba (1895–1973), tentulah pada lingkungan istana. Namun apabila digunakan oleh orang biasa dalam percampuran luas, maka timbul bahasa Melayu pasar.

Bahasa Baba Peranakan merupakan bahasa Melayu kreol. Sejarah membuktikan bahawa dengan bahasa ini juga tertampung sejumlah penerbitan umum seperti akhbar Bintang Timor (1894–95) asuhan tokoh Baba Peranakan, peguam Sir Song Ong Siang (1871–1941).

Banyak aspek budaya Melayu turut tertuang dalam amalan Baba Peranakan. Misalnya, pakaian kebanggaan wanita Melayu iaitu kebaya sudah diserap sebagai Kebaya Nyonya oleh masyarakat Baba Peranakan. Banyak kuih-muih Melayu disamarkan nama sebagai kueh Nyonya.

Namun perkembangan ini merupakan amalan ambil-mengambil, hujah Dr MAS. Tiada tamadun dunia yang berdiri sendiri tanpa proses ambil-mengambil daripada tamadun lain, jelas almarhum Prof Ismail Raji' Al-Faruqi (1921–1986), pengarang Atlas Budaya Islam. Misalnya, 'launch' daripada Bahasa Inggeris berasal daripada perkataan Portugis 'lanca' yang terambil daripada Bahasa Melayu, 'lancar'!

MASA DEPAN SINGLISH

Keharuman nama Singapura sebagai kota jagat yang berjaya telah mendorong Singlish turut dikaji di persada antarabangsa.

Dikatakan sejumlah 10 universiti dunia telah mengajarkan Singlish dalam kelas sastera. Nama pengarang berbahasa Inggeris Singapura seperti Catherine Lim, Boey Kim Cheng, Arthur Yap, Edwin Thumboo dan Stella Kon kian dikenali. Bahkan nama penyair dan penulis Alfian Sa'at dengan sajaknya, 'Singapore You Are Not My Country', dibentangkan dalam bidang kesusastraan dunia di Universiti York, Britain.

Tentulah Singapura sedang membentuk tamadunnya yang tersendiri seperti dihujahkan mantan Dekan Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Prof Kishore Mahbubani. Dan cara Singapura melibatkan usaha menyerapadunkan yang terbaik daripada semua tamadun serta menampilkan kaedahnya atau wadah ilmunya yang tersendiri.

Yang utama, apa juu perkembangan perlu ada kawalan, termasuk dalam aspek bahasa. Hal ini dilakukan demi memastikan makna perkataan tidak tersasar sehingga mencetuskan kerancuan atau kekeliruan, apatah lagi dari segi perundungan.

Ada perkataan Melayu yang tertuang dalam Singlish tetapi dengan ejaan dan sebutan yang salah. Contohnya: *jelak* (dieja: jelat); *terbalik* (tombalek); *macam* (machiam), *kena* (kana); sekali (scarly); agak-agak (agar-agar); kacau (kachiau); *hentam* (humtum/hantam), *karung guni* (kallang guni).

Mengapa ini berlaku? Mungkin disebabkan lidah ‘pelat’ orang bukan Melayu seperti kalangan orang Cina yang sukar membezakan sebutan huruf ‘l’ dan ‘r’. Perihal ‘pelat’ sudah tercatat dalam Sejarah Melayu (karya agung abad ke-17M) yang memaparkan kisah lucu Tun Mai Ulat Bulu belajar Bahasa Arab dengan pelat Melayu.

Dr Gwee telah menunjukkan bahawa ada keindahan dalam Singlish tetapi ia perlu dilakukan dengan sedar dan berilmu. Singapura mengutamakan bahasa Inggeris yang benar dan betul, namun Singlish masih luas digunakan termasuk dalam iklan agensi pemerintah.

Bagi Bahasa Melayu pula, sudah tersedia Majlis Bahasa Melayu Singapura yang tentulah perlu sekali mempunyai barisan pakar untuk memantau dan memajukan bahasa Melayu di nusa ini, termasuk yang terserap dalam Singlish.

diterbitkan pada 23 Mei 2024

4



IKTIBAR EMPAT PERDANA MENTERI BERBAHASA MELAYU

BARU-BARU ini, dalam ucapan pertama kepada seluruh negara, Perdana Menteri keempat Singapura, Encik Lawrence Wong, telah meneruskan tradisi yang diwariskan tiga pendahulunya iaitu berucap dalam bahasa Melayu.

Perdana Menteri keempat Singapura yang baru dirasmikan, Encik Lawrence Wong, ternyata berjaya berbicara kepada warga Singapura dengan menunjukkan keyakinan dan keselesaannya bertutur tiga bahasa dalam ucapan sulungnya kepada seluruh negara.

Syabas, PM Wong, yang terdidik dalam aliran Inggeris dan mengambil Bahasa Mandarin sebagai bahasa keduanya.

Ternyata kegigihannya belajar Bahasa Melayu (BM) kian berhasil. Ini juga menunjukkan beliau menjunjung hikmah amalan tiga pendahulunya, mendiang Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dan Lee Hsien Loong, yang dapat bertutur tiga bahasa rasmi negara ini. Bahasa rasmi keempat republik ini ialah Tamil.

WAHANA PENTING

Bahasa adalah wahana yang penting untuk meraih ilmu sehingga bersempang. Dan bagi masyarakat berbilang kaum seperti Singapura, isu bangsa, bahasa dan

agama memanglah amat peka. Ia perlu ditangani dengan teliti bak mengeluarkan rambut dari tepung; rambut tidak putus dan tepung tidak berserak.

Oleh itu, kesediaan kepimpinan Singapura mengekalkan komunikasi dalam bahasa-bahasa rasmi merupakan strategi ampuh dalam memenangi hati rakyat. Aspek ini telah menjadi teras dalam rumus atau formula berpolitik di Singapura sejak zaman pembentukan negara yang dirintis Perdana Menteri Pengasas Lee Kuan Yew (1923–2015).

Dalam impian atau visinya untuk merdeka dan bangkit cepat membangun, mendiang Encik Lee pernah menyertakan Singapura menjadi sebahagian daripada Persekutuan Malaysia (1963–65). Beliau amat menyedari geopolitik rantau yang merupakan lautan rumpun yang pengantarnya ialah BM.

Mujurlah warga Singapura, terutama majoriti masyarakat Cina yang sebahagiannya berpendidikan Cina, menyokong visinya. Dalam dua tiga tahun sahaja, kebanyakan pegawai awam Singapura dapat berbahasa Melayu – demi menakat dan juga kerana adanya daya galak seperti kenaikan gaji.

Malangnya, Singapura dikeluarkan daripada Malaysia yang membawa kepada kemerdekaannya pada 9 Ogos 1965. Demi penakatan selanjutnya di persada antarabangsa, Singapura beralih kepada mengangkat Bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa kerjanya.

Namun watan ini tidak sama sekali ‘meminggirkan’ martabat Bahasa Melayu yang masih tertinta sebagai Bahasa Kebangsaan. Inilah antara tekad politik tegas mendiang Encik Lee, termasuk ketika bahas agak panas di Parlimen agar Lagu Kebangsaan, ‘Majulah Singapura’, dirubah ke Bahasa Inggeris. Bahasa perbarisan atau berkawat untuk pasukan seragam seperti polis dan tentera masih dalam BM.

Ketegasan tadi ternyata telah memancarkan kesan syahdu ketika irama yang dinilai sebagai ‘doa’ oleh penggubahnya, Pak Zubir Said (1907–1987) dikumandangkan semasa majlis angkat sumpah PM Wong, baru-baru ini. Kamera televisyen telah merakamkan bibir kalangan dif (tetamu) terhormat tempatan berkumat-kamit menyanyikannya.

ERTI KESINGAPURAAN

Hakikatnya, Banci Penduduk sejak 1990 menunjukkan Bahasa Inggeris kian mekar sebagai bahasa basahan di rumah, termasuk di kediaman orang Melayu

(dan bahkan juga di masjid). Ertinya, bahasa benak dan emosi warga Singapura kian terpahat dalam Bahasa Inggeris.

Fenomena ini mencemaskan para pendukung bahasa ibunda atau vernakular. Tanpa kekuatan iltizam pemerintah untuk meneruskan Dasar Dwibahasa melalui sistem pendidikan kebangsaan, mungkin telah lama terhakis bahasa-bahasa ibunda, termasuk BM.

Sesepuh terakhir persuratan Melayu Singapura, Cikgu Suratman Markasan, yang berpulang 27 Februari lalu, teguh berpesan sebagai wasiatnya bahawa “jangan nanti 20 tahun selepas ketiadaan saya, BM akan terhapus dalam jati diri Melayu Singapura...”

Oleh itu, tekad kepimpinan Singapura amat utama dalam memastikan kehadiran bahasa-bahasa rasmi memiliki kepentingan strategik.

Masih ingatkah kita akan nasihat mantan Dekan di Sekolah Dasar Awam Singapura, Prof Kishore Mahbubani lewat siri makalahnya di akhbar tempatan, *The Straits Times* (14 Jun 2014)? Antara hujahnya, demi menunjangi falsafah kesingapuraan (menjadi warga yang berjiwa Singapura), wajarlah setiap orang cuba sekurang-kurangnya dapat bertutur BM. Ini juga penting bagi membolehkan mereka memahami negara-negara jiran rumpun Melayu.

HAB MELAYU

Singapura pernah menjadi nadi utama atau hab persuratan Melayu antara 1840 sehingga 1960-an. Dari nusa inilah, penerbitan karya sehingga perfileman Melayu dihasilkan dan dikatakan mencapai ‘Zaman Emasnya’. Sehingga hari ini, belum ada pusat di rantau ini yang dapat menandingi pencapaian silam Singapura dalam mendukung tamadun Melayu.

Memang sejarah sukar diputar kembali. Namun banyak pengajaran daripada sejarah yang tidak boleh dinyahkan begitu sahaja.

Suasana rumpun Melayu merupakan ciri kekal di rantau ini. Oleh itu, mahu tidak mahu, Singapura perlu dapat memanfaatkan BM untuk diguna pakai bukan sahaja oleh pimpinan politiknya, bahkan juga rakyat biasa atau warga asing yang bekerja di sini.

Ini bermakna memperluaskan peluang untuk belajar BM sebagai bahasa ketiga di sekolah untuk pelajar bukan Melayu. Para guru BM tidak cukup diberikan

daya galak dan iktiraf profesional seperti Anugerah Guru Arif Budiman, tetapi juga pelbagai peluang untuk membolehkan mereka menjadi lebih tabah lagi terampil dalam memupuk jiwa anak didik mereka agar memanfaatkan BM.

Dengan kegigihan Singapura menjuarai teknologi hari muka sebagai Negara Bijak, BM dapat dimajukan dengan lebih tersusun menerusi rekayasa yang padu dan diajarkan di mana sahaja – dari kelab masyarakat sehingga ke tempat kerja.

Mentelah kita sudah mempunyai institusi seperti Majlis Bahasa Melayu, tiga jabatan Pengajian Melayu di varsiti setempat sehingga Pusat Bahasa Melayu. Tidak syak, penerap utama atau pendukung kemajuan BM ialah masyarakat Melayu sendiri, terutama elitnya yang terdiri daripada pimpinan di peringkat politik sehingga akar umbi, profesional dan usahawan sebagai suri teladan masyarakat.

Elit Melayu perlu bermuhasabah – jika Perdana Menteri yang amat sibuk mengurus ehwal negara sanggup gigih belajar agar dapat bertutur dan memahami BM, mengapakah lidahku kelu untuk berbahasa ibunda sendiri? Bukankah alah bisa, tegal biasa?

Dalam ucapan sulungnya berbahasa Melayu, PM Wong menyatakan rasa ‘rendah diri’ (seharusnya: ‘rendah hati’ kerana yang pertama bermaksud ‘berasa rendah’ (*inferior*) dek tertekan’). Padahal, pencapaiannya cukup memberangsangkan. Sebaliknya, yang bakal merasa ‘rendah diri’ kelak ialah masyarakat Melayu sendiri jika kelu atau gagal atau mengabaikan berbahasa dengan fasih. Renungkanlah.

diterbitkan pada 16 Mei 2024

5



PAKAIAN MELAYU YANG DIKURUNGKAN AGAMA

TREND berbaju kurung, terutama dalam kalangan generasi muda Melayu, tampak tercetus kembali sejak mutakhir. Tetapi tahukah orang Melayu tentang konsep ‘kurung’ yang tertancap pada busana ini?

“Macam tak lengkap berhari raya tanpa Baju Kurung.” Itulah pesan budayawan besar Riau, almarhum Dr Tengku Nasarudin Said Effendy Said Muhammad Umar Al-Jufri (@Tenas Effendy, 1936–2015). ‘Said’ seharusnya dieja ‘Syed’ yang merujuk kepada gelaran mulia iaitu keturunan Hadrami (dari Yaman) yang bersusur galur kepada keluarga Nabi Muhammad s.a.w. Dengan rendah hati, katanya, nama ‘Tenas’ bertujuan hendak “merakyat Melayu”.

Ketika berceramah di acara Anugerah MAS pada 2004 di Auditorium Masjid Sultan, beliau mengaitkan erti ‘kurung’ dalam konsep luas jati diri Melayu yang apabila semakin berilmu dan berjaya, maka semakin tunduk merendah hati (bukan merendah diri atau inferior) bak resmi padi.

“Menyedari peri pentingnya Islam yang diterima oleh raja-raja Melayu, maka orang atau rakyat Melayu rela menetapkan cara hidupnya menurut lunas-lunas Islam walaupun ini bermakna ‘mengurung’ kebiasaan mereka, termasuk dalam cara berpakaian,” katanya.

Menurut Kamus Dewan edisi maya, ‘kurung’ bermakna dibendung, dipagari, dipenjara. edisi maya pula memberi makna ‘kurung’, antara lain dilingkungi atau dilingkari.

Munculnya Baju Kurung kerana pakaian Melayu sebelumnya dikatakan “mencolok mata” (dulu sering digunakan: menjolok mata). Dek cuaca panas dan lembap, lelaki Melayu dahulu kala jarang berbaju tetapi hanya bercelana antara paras pusat dengan lutut, dan memakai kain pendek seperti samping. Wanitanya pula berkemban iaitu memakai kain yang diikat dari paras dada sehingga ke betis serta memakai sehelai kain sarung atau kelubung (semacam kain menutup kepala dan dada) yang ada kalanya diikat di pinggang.

PAKAIAN SOPAN

Menurut buku Sejarah Melayu (Sulalat-us-Salatin susunan Bendahara Johor, Tun Seri Lanang pada abad ke-17M), tamadun Melayu mula berteraskan Islam sejak terdiri Kerajaan Melaka (1409–1511M). Ini berlaku setelah raja terakhir Singapura, Permaisura (@Parameswara) melarikan diri atau mencari suaka di Semenanjung setelah pulau ini ditawan tentera Majapahit. Raja itu telah memeluk Islam dan mengambil nama Iskandar Syah.

Sejak itu, Melaka sering dikunjungi para pendakwah Islam seantero dunia, termasuk kalangan ahli dalam majlis *Wali Songo* (*Songo* daripada Bahasa Jawa: Sembilan) yang bertanggungjawab mengislamkan pulau Jawa.

Namun terdapat kesepakatan dalam kalangan para ulama serantau bahawa Islam bukanlah bermakna mengambil apa jua daripada peradaban Arab, tetapi hanya ‘nilai-nilai’ luhur Islam terutama adab. Inilah antara sebab sebahagian istilah Sanskrita (dari zaman amalan agama Hindu-Buddha) masih digunakan sehingga kini seperti agama, syurga dan neraka. Dan antara aspek adab (moral dan etika) yang penting adalah pada cara hidup yang sopan, hujah Pendeta Dr Muhammad Ariff Ahmad (1924–2016) dalam adi karyanya *NILAM* (2007).

Orang Melayu menilai ‘adab’ tadi sebagai suatu ‘kurungan’ daripada perbuatan yang dahulunya melampau seperti menggunakan perkataan ‘kesat’ dalam tutur kata dan penulisan, pergaulan, pemakanan (seperti menjauhi bahan memabukkan) sehingga penampilan (berpakaian).

Umumnya, cara berpakaian dalam Islam menuntut umatnya yang telah *aqil baligh* (juga dikatakan: cukup umur – iaitu datang haid bagi perempuan atau

keluar mani bagi lelaki) untuk menutup aurat; iaitu menutup tubuh badan antara pusat ke lutut bagi kaum lelaki dan keseluruhan badan kecuali muka dan tapak tangan bagi perempuan.

Ada dapatan sejarah bahawa Baju Kurung telah wujud lama sebelum Kerajaan Melaka. Sejarah Melayu juga ada menyatakan bahawa Baju Kurung yang asal mempunyai potongan yang kecil dan pendek. Potongan ini telah diubah oleh Tun Temenggung Hassan menjadi longgar dan labuh menutupi bahagian punggung, menurut pakar busana Melayu, Dr Siti Zainon Ismail dari Malaysia, lewat bukunya, Pakaian Cara Melayu (2006).

LIMA PANTANG

Dalam bukunya, *Etika Berpakaian Melayu* (2004), Pak Tenas menggariskan etika berpakaian bagi orang Melayu dalam lima aspek: pantang membuka aurat, pantang terlalu nipis, pantang terlalu ketat, pantang mengada-ada dan pantang memandai-mandai.

Baru-baru ini tular video busana Baju Melayu (Baju Kurung lelaki) yang kononnya semasa (*trendy*) tetapi diselar kerana terlalu jarang. Padahal, ini memang dipantangkan dalam etika Baju Kurung.

Tegas Pak Tenas, lima aspek tadi mencerminkan kesempurnaan rekaan pakaian Melayu khususnya yang terdapat pada Baju Kurung. Begitu juga dengan maksud kancing sebutir yang menutup bukaan leher baju itu dikatakan membawa maksud Keesaan Allah. Sementara jahitan tulang belut yang melingkari bulatan lubang leher membawa maksud kekuahan ukhwah (persaudaraan Islam) dalam satu jalinan yang kemas dan rapat.

Kini kancing atau butang Baju Melayu menjadi beraneka iaitu dari satu, tiga, lima hingga tujuh. Tiga dimaksudkan sebagai Islam, Iman dan Ihsan. Lima pula sebagai Rukun Islam Lima Perkara. Dan kancing tujuh butir pula (sering dipakai lelaki Brunei) dikaitkan dengan tujuh petala langit dan tujuh petala bumi. Wallahu'lam.

EVOLUSI

Secara umumnya, bentuk Baju Kurung perlu labuh atau longgar. Ia dikategorikan sebagai pakaian tunik kerana dikenakan pada badan dengan cara menyarung baju tersebut melalui kepala.

Pada awalnya Baju Kurung dipakai oleh kaum lelaki (dipanggil Baju Melayu demi membezakannya dengan Baju Kurung perempuan) dipadankan dengan kain sarung.

Setelah muncul pelbagai jenis seluar (salwar: pengaruh dari India), maka Baju Kurung mula dipadankan dengan seluar.

Untuk perempuan Melayu, umumnya terdapat tiga jenis potongan Baju Kurung iaitu Baju Kurung Pesak Buluh, Baju Kurung Potong Riau dan Baju Kurung Cekak Musang. Kain sarongnya pula diikat dengan gaya ombak mengalun.

Baju Melayu pula digolongkan dengan nama Baju Kurung Pesak Buluh dan Baju Kurung Cekak Musang yang dipadankan dengan seluar panjang. Perbezaannya terletak pada potongan leher, kekek dan pesak (di bahagian ketiak).

KAITAN SINGAPURA

Lewat abad ke-19M, Raja Johor, Sultan Abu Bakar (1833–1895) telah menamakan Baju Melayu yang dipakai oleh orang-orang Johor sebagai Baju Kurung Teluk Belanga (ejaan tempat di pesisir timur Singapura: Telok Blangah). Baju ini dikhususkan dengan jahitan tulang belut di sekeliling lubang lehernya. Pada mulanya, Baju Kurung dengan warna tertentu seperti kuning hanya dipakai oleh golongan diraja dan bangsawan sahaja. Ia amat eksklusif.

Namun, putera Sultan Abu Bakar, iaitu Sultan Ibrahim (1873–1959), telah mengizinkan Baju Kurung menjadi pakaian nusa Johor iaitu merakyat pada awal abad ke-20M. Maka sejak itu, Baju Kurung mengalami semacam perubahan pesat dari segi rekaan atau desain, penggunaan fabrik/jenis kain dan sebagainya.

Baju Kurung memang asal pakaian Melayu yang berubah menerusi evolusi dan berteraskan hukum Islam. Pakaian ini amat sopan kerana dilingkari nilai-nilai luhur agar orang Melayu tampil hidup bermaruah.

Namun dek kurang pengetahuan atau tidak arif akan sejarah dan adab, segelintir pereka fesyen hari ini seolah-olah mengabaikan warisan Baju Kurung dengan cuba melepaskan kurungan nilainya dengan “*memandai-mandai*” (memetik kata-kata Pak Tenas). Maka muncullah ‘Baju Kurung Moden’ yang dirubah sifat dan gayanya sehingga tidak langsung menyerupai Baju Kurung.

Oleh itu, jika dibiarkan manipulasi terhadap Baju Kurung, yang rugi tentulah orang Melayu sendiri, walaupun ini dilakukan atas nama pemodenan dan sebagainya.

Diterbitkan pada 31 Mac 2024

6



HARI RAYA KURANG MERIAH TANPA LAGUNYA

SEJAK siaran Radio Malaya dimulakan pada tahun 1930-an, lagu-lagu Hari Raya turut berkumandang.

Suasananya kian mekar kerana kedudukan Singapura sebagai hab hiburan Melayu dari bangsawan, filem hingga muzik sejak 1900-1970M. Namun daripada ratusan lagu raya, mengapa yang lama masih ‘laris’?

Antara unsur kemeriahan Aidilfitri tentulah berkumandangnya lagu-lagu bertemakan Hari Raya di media elektronik seperti radio, televisyen dan terbaharu, media sosial seperti YouTube.

Sering juga irama lagu-lagu Hari Raya ‘seolah-olah’ menemani kita pada saat-saat rindu akan insan tersayang seperti nenek sehingga sahabat yang tidak lagi bersama kita.

Belum ada kajian saintifik dilakukan. Namun, yang jelas secara kejiwaan atau psikologi, suasana Hari Raya tidak akan lengkap tanpa pelbagai irama tadi. Semua mengiringi Ramadan yang kian berundur dengan syahdu demi menyongsong detik perayaan 1 Syawal atau Aidilfitri.

Bagi orang Melayu di sini, lagu-lagu Raya yang lama sudah ‘biasa-biasa’ sahaja sehingga dapat dihafal liriknya. Namun lagu-lagu lama tadi bak sukar digantikan oleh lagu Hari Raya yang baharu.

Menurut sahabat saya, almarhum Kamali Hudi (1951–2013), seorang penulis lirik, irama lagu Raya yang lama boleh ‘disiulkan’ dan memikat (*catchy*) dengan seni kata yang mudah lagi polos. Terasa ada kesan ‘sakti’ atau magis pada lagu-lagu Raya klasik kerana kita ternyata tidak akan pernah jemu. Di sinilah erti nilai malar segar atau kelangkaan serta mungkin kelejenan menjadi legenda (*legendary*) lagu yang bak runut bunyi (*soundtrack*) hayat kita.

IRAMA DI RUMAH KE GEDUNG

Lazimnya lagu Raya beralun mulai pertengahan Ramadan – dari corong radio, bazar, ekspo Raya dan sebagainya. Ramai kalangan kita sering tidak tahu ‘judul’ lagu Raya tetapi lebih kenal penyanyinya. Bahkan nama penggubah dan penulis, kata Kamali, sering dilupakan – ini gara-gara juruhebah atau DJ ‘berat mulut’ menyebut nama mereka.

Tidak pasti manakah lagu Raya paling ‘tua’, namun lagu ‘Selamat Hari Raya’ dendangan Saloma (Salmah bin Ismail, 1935–1983) daripada filem dengan judul sama arahan L Krishnan (terbitan Cathay Keris Film Production, 1955) sering menjadi ‘kemestian’ dalam senarai lagu Raya. Lagu ini bertempo rancak gubahan Ahmad Jaafar (1919–2009) dan liriknya pula oleh Sharif Rachman:

*Selamat Aidilfitri
Kepada saudara serta saudari
Setahun hanya sekali
Merayakan hari yang mulia ini*

*Di masa bulan Ramadan
Kita berpuasa hingga sebulan
Pabila Syawal menjelma
Hari Raya disambut dengan gembira*

*Miskin kaya memakai baju-baru warna-warni
Mengunjungi sanak kaum famili
Sungguh hebat pemandangan di Hari Raya ini
Tua muda wajah berseri-seri*

*Marilah bergembira
Bersama menikmati Hari Raya
Mintak mak kuih sepotong
Saya mahu makan kerna perut kosong*

*Selamat Aidilfitri
Kepada saudara serta saudari
Setahun hanya sekali
Merayakan hari yang mulia ini*

*Di masa bulan Ramadan
Kita berpuasa hingga sebulan
Pabila Syawal menjelma
Hari Raya disambut dengan gembira*

*Maafkanlah jika ada terlanjur perkataan
Diharap supaya jangan disimpan
Ku berdoa selamat panjang umur murah rezeki
Semoga Tuhan akan memberkati*

*Selamat Hari Raya
Hari untuk kita bersuka ria
Selamat kami ucapan
Untuk kita hingga sampai tahun depan*
Selamat Hari Raya.....

Lirik yang digarisbawahi telah diubah. Asalnya adalah:

*Dam dam dum buni mercun,
Kanak-kank segera datang berduyun
Dam dum dum mercun berdentum
Semaraklah Hari Raya ini tahun.*

RAKAMAN TERTUA

Lagu Raya tertua yang pernah dirakamkan oleh syarikat piring hitam HMV adalah pada 1936. Ia boleh dicapai di YouTube. Berjudul ‘Selamat Hari Raya’ nyanyian primadona bangsawan, Miss Aminah Nani dan digubah Tengku Alibasha daripada Che Ara Bangsawan. Lagunya dimulakan dengan rangkap berikut:

*Selamat Hari Raya
Sayalah ucapan
Kepada ibu bapa
Saudara sekalian
Kaumlah kerabat
Handai dan taulan
Tualah dan muda
Lelaki perempuan*

Menurut sahabat saya, Encik Yusnor Ef (Mohd Noor bin Mohd Yusofe, 1937–), pengarang buku, *Muzik Melayu Sejak 1940-an* (2011), terdapat lagu-lagu Raya yang mungkin lebih lama tetapi mungkin belum sempat dirakamkan dan tanpa dokumentasi yang mencukupi.

Misalnya, lagu '*Manusia*' dari filem tahun 1951 dengan judul yang sama terbitan Malay Film Productions (Shaw Brothers). Ia dibintangi Omar Rojik dan Kasmah Booty dan diarahkan S.Ramanathan. Lagu ini ciptaan Osman Ahmad (1910–1964) telah dinyanyikan semula oleh Eddy Nor Ali. Terpapar mesej Hari Raya pada korusnya:

*Hari Raya orang bersuka
Melawat sanak dan saudara
Tapi aku miskin hina
Berselubung duka*

Nada sedih serupa terpapar dalam lagu '*Yatim Piatu*' daripada filem yang sama judul – gubah dan nyanyian S.M. Al-Idrus. Ia agak kurang popular dan antara seni katanya:

*Hari Raya kinilah tiba
Hati si yatim semakin hiba
Kain dan baju serba tak ada
Untuk dipakai di Hari Raya*

NAFAS BAHARU

Almarhum Zubir Said (1907–1987), penggubah lagu kebangsaan '*Majulah Singapura*', telah menghasilkan lebih 1,000 lagu. Antara karya beliau ialah lagu Raya berduet, '*Aidilfitri*' nyanyian Nona Asiah (1928, Penerima Pingat Budaya pada 2016) dan Kamsani. Ia dianggap kurang memikat.

Dengan izin Pak Zubir, lagu ini telah diberi nafas baharu dari segi kesyahduan iramanya oleh penggubah Kassim Masdor (1938–2014) dan lirik serba baharu oleh Yusnor Ef. Lagu ini dinyanyikan dengan lebih merdu oleh Sanisah Huri dan dianggap antara lagu Raya malar segar.

Seniman Agung P. Ramlee (nama sebenar: Teuku Zakaria bin Teuke Nyak Puteh, 1929–1973) telah menyumbang juga lagu Raya yang langka iaitu '*Dendang*

Perantau' (seni kata S.Sudarmadji) dalam album sulungnya pada 1960. Lagu ini menceritakan nasib 'perantau' (insan yang berjauhan dari keluarga atau kampung halaman kerana mencari ilmu atau bekerja) seperti terpapar dalam liriknya:

*Di Hari Raya
Terkenang daku kepada si dia
Kampungku indah nun jauh di sana
Ayah serta bondaku*

Sebuah lagu lagi gubahan dan nyanyian P. Ramlee dan liriknya oleh S Sudarmadji ialah '*Suara Takbir*' dengan rentak inang dan sangat syahdu, yang antara liriknya:

*Terdengar suara takbir
Memuji nama Ilahi
Rasa dalam kalbu
Tenteram dan aman selalu*

Tentulah suasana Raya tidak akan lengkap tanpa lagu ciptaan dan nyanyian biduan tuna netra (cacat penglihatan) kelahiran Singapura yang amat berbakat, S. Jibeng (nama sebenar Jaafar bin Sidiq, 1942–2006). Lagu yang amat menikam nurani, '*Musafir Di Hari Raya*' dialunkan dengan irama zaman *Pop Yeh Yeh* dan antara seni katanya:

*Pusara ayah dan juga ibu
Di pagi bahagia hamba kunjungi
Dengarlah ini ratapan anakmu
Hamba musafir di Aidilfitri*

Tak akan saya lupa '*Cahaya Aidilfitri*' nyanyian Jatt daripada kugiran Black Dog Bone pada pagi selepas solat Hari Raya tahun 2008. Saya sedang memandu bersama keluarga di lebuh raya AYE dari Bedok ke Jurong untuk beraya di rumah mentua.

Berdering telefon dari penulis lirik, Kamali Hudi, yang sebak menyatakan berpulangnya, Haron Abdul Majid (@Nuryusman Abdul Majid, 1950–2008) yang menulis seni kata lagu itu. Penggubahnya Hashim Said (@ S. Atan, 1949–). Kebetulan stesen radio Warna memutarkan lagu itu yang seni katanya amat menusuk hiba:

*Siapakah yang sudi menghulurkan simpati
Kepada nasibku ini
Agar dapatku rasa nikmat di Hari Raya
Seperti insan yang lain*

Banyak aspek lagu Raya yang masih belum dikaji. Setakat ini Singapura telah menghasilkan dua buah buku tentang muzik dari nusa ini iaitu karya Yusnor Ef, *Muzik Melayu Sejak 1940-an* serta Azlan Mohamad Said dan Juffri Supa'at, Musika : *Malaya's Early Music Scene = Arena Muzik Silam Di Malaya* (2013).

Semoga usaha menghasilkan lagu dan kajian tidak terhenti di sini sahaja kerana Singapura merupakan wadah terbaik kebestarian rumpun Melayu.

Yuk, putarkan lagu Raya.....

diterbitkan pada 24 Mac 2024

7



KUNCI MENYINGKAP MANUSKRIP MELAYU

DI MANAKAH letaknya khazanah Melayu?

Antara lain, khazanah berbentuk ‘ilmu’ terdapat pada sehingga 10,000 judul manuskrip yang kebanyakannya bertulisan Jawi dan berusia ratusan tahun. Ia bertebaran di seluruh dunia – sebahagian masih kekal di rantau Nusantara. Selebih banyaknya di pustaka dan universiti di Eropah Barat, Amerika Utara dan segelintir di Rusia.

Angka tepat jumlah manuskrip Melayu masih menjadi tanda tanya, ujar Prof Madya Dr Awang Azman bin Awang Pawi dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Demikian antara isi ucaptamanya pada Seminar Manuskrip Melayu Ke-2 anjuran Unit Bahasa dan Budaya Melayu, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang (NIE-NTU) di Bangunan NLB pada Sabtu 17 Februari lalu.

Menurut Ketua Kumpulan Akademik Bahasa dan Budaya Asia NIE-NTU, Prof Madya Dr Mukhlis Abu Bakar, seminar ini bertemakan *‘Memikirkan Budi Melalui Manuskrip Melayu’*. Ia dalam rangka memperingati 100 tahun kelahiran Pendeta Dr Muhammad Ariff Ahmad (6 Disember 1924 – 23 Mac 2016) – tokoh guru yang sering mengupas perihal budi. Bak seminar rintisan pada 2017, seminar kali ini menampilkan hasil kerja para mahasiswa pengkaji dari Indonesia, Malaysia dan Singapura. Ia mendapat sokongan Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Bahasa Melayu (MLLPC).

MENJUNJUNG NILAI

Penulis pojok (kolumn) dan juga pengulas politik, Dr Awang Azman sudah puluhan tahun mengkaji manuskrip Melayu dari Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu) sehingga karya besar dari pulau Borneo.

Menurutnya, para pegawai tinggi penjajah Barat, dari British sehingga Belanda, gigih membongkar dan membawa balik khazanah Melayu.

“Antara tujuan mereka berbuat demikian ialah hendak memahami kebudayaan, sikap, kekuatan dan kelemahan orang Melayu dalam rangka demi terus menjajah,” hujahnya.

“Daripada tulisan Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir menerusi Hikayat Abdullah, terpapar sikap penjajah yang sanggup membeli atau setidak-tidaknya menyalin manuskrip Melayu untuk dibawa pulang ke negeri mereka,” katanya sambil menambah bahawa manuskrip tadi dijual ‘murah’ kerana orang Melayu dahulu tidak hemat menghargai warisan mereka.

Munsyi Abdullah (1796–1854) diangkat oleh para sarjana Barat sebagai ‘Bapa Kesuasteraan’ Melayu kerana karya, tindakan dan buah pemikirannya yang dianggap sebagai pembaharuan atau mendahului zamannya.

Antara pegawai penjajah yang mendapatkan khidmat Munsyi Abdullah dan paling gigih mengumpulkan manuskrip Melayu ialah Thomas Stamford Bingley Raffles (1781–1826). Raffles telah ‘membuka’ Singapura sebagai loji British dan meluaskan kuasa dan pengaruh empayar British di rantau ini. Beliau telah mengarahkan sekopal penuh muatan kitab Melayu. Malangnya, kapal berkenaan, The Fame, terbakar lalu karam dalam pelayarannya ke England pada 2 Februari 1824 dari pelabuhan Bangkahulu (Bengkulu), Sumatera.

ADIKARYA

Prof Awang Azman mendapati manuskrip Melayu masih relevan bukan sahaja pada ilmu silam dari tatakerajaan sehingga membina rumah yang terkandung di dalamnya tetapi juga ‘semangat Melayu’. Antara lain, Hikayat Hang Tuah, yang dianggapnya sebagai sebuah ‘magnum opus’ (adikarya) masih lagi dibincangkan sejak dikaji Kassim Ahmad (1933–2017) pada 1950-an sehingga menjadi inspirasi bagi filem dan drama serta disebut-sebut dalam perjuangan siasah Melayu.

“Puas sudah saya teliti Hikayat Hang Tuah tetapi tidak jumpa kot Hang Tuah berkata ‘...tak Melayu hilang di dunia’. Jadi dari mana kata-kata itu?” tanya beliau. (Kot ialah slanga di Malaysia, yang bermaksud ‘mungkin’)

“Sayangnya, kalimat tadi selalu digunakan oleh ahli politik ketika berpidato tentang hak Melayu,” tambahnya. Seyogia di Riau, kalimat tadi bak ungkapan Melayu luhur yang pernah diujarkan budayawan besar Riau, Tenas Effendy (1936–2015):

*Tuah sakti hamba negeri,
Esa hilang dua terbilang;
Patah tumbuh hilang berganti,
Takkan Melayu hilang di bumi.*

Apakah Hang Tuah wajar diteladani walaupun setia buta mengikut perintah raja dalam zaman feudal atau Hang Jebat yang menentang raja dengan kalimat “raja adil, raja disembah; raja zalim, raja disanggah”?

Isu ini terus mengilhami para penulis Melayu seperti Usman Awang (1929–2001), penyair besar Malaysia, yang pernah melaungkan agar “orang Melayu menjadi kurang ajar” demi merombak sistem.

Pelbagai teori timbul tentang Hang Tuah dan empat rakannya. Prof Ahmat Adam yang mengkaji masalah merumikan (transliterasi) tulisan Jawi berpendapat Hang Tuah seharusnya dibaca sebagai Hang Tuha (yang tua). Terdapat juga dakwaan bahawa Hang Tuah dan empat hulubalang itu berasal dari China untuk membantu Kerajaan Melaka menentang Siam.

KUNCI TULISAN JAWI

Bahagian teras seminar itu adalah pembentangan 11 makalah yang mengupas konsep budi secara umum dalam Hukum Kanun Pahang (perundangan), perjuangan wanita (dua pengarang wanita Riau yang aktif di Singapura), Hikayat Abdullah dan hikayat-hikayat seperti Raja Babi, Bayan Budiman, Pelanduk Jenaka sehingga pandangan pujangga Melayu seperti Raja Ali Haji (1808–1873).

Hikayat Raja Babi ditulis oleh Usop bin Abdul Kadir, seorang pedagang dalam pelayaran ke Jawa. Karyanya berhasil pada 1775 itu tersimpan lama sehingga dimiliki Perpustakaan British dan hanya terdedah pada 2015. Ia mengisahkan seorang putera yang “disumpah” mempunyai zahir babi tetapi berkekerti

baik. Dikupas oleh Encik Mohammad Rashikin Rajah dari Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS), karya ini bak suatu satira pada erti keindahan zahir lawan kemolekan batin.

Rumusan seminar oleh konvenor, Dr Sa'eda Buang, memahatkan harapan bahawa minat pada Pengajian Melayu, khususnya manuskrip silam, masih kukuh di rantau ini. Walaupun begitu, bak hujah Prof Awang Azman, terdapat kekurangan pakar dalam bidang manuskrip.

Menerusi teknologi pendigitalan, ribuan manuskrip itu tidak perlu dibeli tetapi dapat ‘dipinjam’ menerusi kerjasama antara institusi. Usaha selanjutnya ialah melatih seberapa banyak sarjana dari segi ‘membaca’ tulisan Jawi lama yang memang sukar difahami sistem ejaaannya. Misalnya, keliru menanggapi ejaan Jawi telah menimbulkan kekeliruan yang lama seperti peribahasa ‘harapkan pagar, pagar makan padi’ – seharusnya pegar (sejenis burung).

PAGAR (رڭاڭ) = PEGAR

Sistem ejaan Jawi telah disemak dan diperhalusi sejak abad ke-14. Kini terdapat sistem ejaan Jawi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia sebagai piawai.

Sesungguhnya, untuk melatih peneliti dan pengkaji untuk menguasai ejaan Jawi silam memang mencabar. Hakikatnya, sarjana sedemikian masih diperlukan. Mereka juga perlu ‘menguasai’ kosa kata atau perbendaharaan Melayu kerana perkataan silam mungkin tidak sama maknanya dengan hari ini.

Waima, jalan sudah mula diteroka. Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) menampung puluhan manuskrip Jawi yang perlu diselongkar isi dan mesejnya. Menerusi pendanaan yang teguh seperti Dana Endowmen Pengajian Melayu Dr Muhd Ariff Ahmad dan pemupukan bakat di varsiti serta kegiatan badan seperti Perikatan Tulisan Jawi Singapura, azam dan usaha untuk menyelidiki khazanah Melayu diharap akan terus mekar.

diterbitkan pada 3 Mac 2024

8



STRATEGI AGAR BAHASA MELAYU LEBIH STRATEGIK

SEBELUM 2023 melabuhkan tirainya, firma Education First menyenaraikan Singapura sebagai antara tiga negara paling fasih berbahasa Inggeris di dunia.

Namun pada Ogos tahun lalu juga, ketika watan ini menyambut seabad kelahiran Perdana Menteri Pengasas Singapura, Lee Kuan Yew (1923–2015), tertonjol keprihatinan mengenai kesinambungan warisan dasarnya – Kedwibahasaan.

Menteri Pendidikan Chan Chun Sing semasa Simposium Bahasa Ibunda pada Ogos 2023, mengatakan pihaknya (MOE) amat prihatin akan merudumnya penguasaan bahasa ibunda. Strategi menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda menjadi lebih menarik dan penting seperti mengisi sesi bercerita dan menyanyi sedang diteroka dan dipacu MOE.

NILAI JAGAT

Empat bahasa rasmi di Singapura – Inggeris, Mandarin, Melayu dan Tamil – merupakan juga bahasa penting dunia. Hakikat ini sekali gus menempatkan Singapura bak ‘gerbang’ dunia.

Pada 2023 menurut Ethnologue, Inggeris adalah bahasa paling utama di dunia dengan 1.45 bilion pengguna, diikuti dengan Mandarin (1.19 bilion) di tempat

kedua. Bahasa Melayu/Indonesia (BM dengan 200 juta pengguna) di tempat ke-10 dalam liga bahasa utama jagat. Tamil pula antara 20 bahasa utama jagat.

Berada dalam lautan rumpun Melayu, pimpinan perintis Singapura akur peri pentingnya BM untuk penakatan politik dan ekonomi.

Jelaslah, BM merupakan wahana strategik. Ini perlu ditancapkan di minda rakyat Singapura, terutama anak Melayu bahawa ada ‘nilai besar’ pada BM dan bukan sekadar demi lulus peperiksaan.

Guru BM perlu menjelaskan ‘gambaran besar’ (big picture) ini kepada anak didiknya, di samping mengingatkan bahawa BM juga adalah Bahasa Kebangsaan nusa ini.

DOMINASI INGGERIS

Banci Penduduk di Singapura antara 1990 hingga 2020 menunjukkan bahasa Inggeris kian menjadi bahasa lazim atau basahan di rumah.

Sebaliknya, kedudukan dan peranan bahasa ibunda di rumah dan di luar rumah kian malap. Dominannya Bahasa Inggeris mewujudkan kendala (halangan) ke atas penggunaan bahasa-bahasa ibunda.

STRATEGI BAHASA

Jadi, apakah huraiannya?

Antara strateginya, menurut pakar bahasa dan perancangan pendidikan dari Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang (NIE-NTU), Dr Mohamed Aidil Subhan dalam sesi Cendekiawan Lestari 2023, adalah guru BM perlu “memanfaatkan Bahasa Inggeris” untuk mengajar BM – sekali gus ini membentuk suasana dwibahasa dalam pembelajaran BM di kelas.

Bahan bacaan dwibahasa Melayu-Inggeris kian popular sebagai bacaan untuk murid Melayu.

Dengan adanya Dana Dwibahasa Lee Kuan Yew, maka membiayai proses ini semakin lancar. Tetapi apakah strategi ini mencukupi?

Di sisi lain, Prof Madya Dr Mohd Mukhlis Abu Bakar, ketua Akademik Bahasa dan Budaya Asia NIE-NTU, mendapat kendala pada pembelajaran BM, khususnya

Sebutan Baku (SB) yang terbatas di bilik darjah atau acara rasmi. Kajian beliau dan rerakannya mendedahkan para pelajar Melayu semacam ‘kelu’ untuk bertutur bahasa ibunda dalam suasana tidak rasmi seperti di rumah atau di luar sekolah.

SB dilaksanakan sejak 30 tahun lalu di Singapura dalam rangka negara-negara berbahasa Melayu rantau ini, mengangkat satu ‘bahasa supra’ atau bahasa penyatu serantau. Sebutan fonemik atau sebut seperti dieja memanglah memudahkan pembelajaran BM tetapi juga menimbulkan kejanggalan. Antara lain, rata-rata lidah masyarakat Melayu di Singapura, Malaysia dan Riau lebih selesa dengan sebutan Melayu-Johor Riau.

Banyak kemajuan telah dicapai dalam pengajaran BM di sekolah, terutama selepas dilaksanakan sejumlah saranan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi BM (dipengerusikan Prof Madya Dr Hadijah Rahmat pada 2004/2005).

Misalnya, kelakonan guru BM terus dipertingkat dengan pemantauan rapi dan pelbagai daya galak sehingga membolehkan mereka meraih tahap profesionalisme yang tinggi.

SOKONGAN TRIPIHAK

Visi MOE untuk memperkasa bahasa ibunda amat memerlukan kerjasama dan sokongan tripihak iaitu ibu bapa, keluarga dan masyarakat dalam menyemai rasa memiliki (*sense of belonging*) dan ‘harga diri’ pada pelajar yang mengambil bahasa ibunda.

Menurut hadis: anak bak kain putih dan ibu bapanya pencoraknya. Pernah ketika mempengerusikan Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Encik Masagos Zulkifli menyeru agar ibu bapa Melayu tertib di rumah dengan berbahasa bahasa ibunda sahaja kepada anak-anak mereka. “Biarkan anak berbahasa Inggeris di sekolah dan di luar,” ujarnya.

Namun anjurannya tidak semudah diamalkan. Ini memandangkan ramai ibu bapa Melayu terdidik dalam aliran Inggeris. Oleh itu, mereka terbawa-bawa berbahasa Inggeris dengan anak mereka. Lain pula halnya jika sesebuah keluarga mempunyai ‘datuk nenek’ yang sering didapati bertutur BM dengan cucu mereka.

Oleh itu, perlu ada usaha gigih untuk membimbing ibu bapa Melayu agar ‘kembali’ ke pangkal jalan iaitu sebagai pewaris bahasa dan budaya Melayu. Hal ini boleh disematkan menerusi kelas bimbingan rumah tangga sehingga acara keluarga anjuran pertubuhan-pertubuhan seperti Yayasan MENDAKI.

MBMS dengan bantuan badan-badan kerabatnya sehingga Jawatankuasa Eksekutif Melayu Kelab Masyarakat (MESRA) perlu turut mengatur strategi ampuh untuk merubah sikap ibu bapa, terutama yang muda.

Memasyarakatkan kembali BM juga amat penting kerana kebanyakan pertubuhan Melayu/Islam termasuk masjid kian terikat dengan Bahasa Inggeris dalam komunikasi rasmi dan tidak rasmi. Bahkan sebahagian kelas agama di masjid turut diadakan dalam bahasa Inggeris walaupun seluruh yang hadir adalah Melayu.

Menurut Prof Muhammad Naquib Al-Attas, BM tumbuh dan berkembang bersama Islam. Peranan asatizah sebagai pendukung BM amat penting. Dalam zaman penyejagatan, tidak syak Bahasa Inggeris perlu untuk dakwah Islam. Namun perlu dinilai konteks penggunaannya agar tidak mengurangi pendedahan kepada BM.

MARUAH

Soal bahasa memang masih peka di Singapura.

Namun selepas puluhan tahun merdeka, warga Singapura kian matang dalam menghargai bahawa kebolehan menguasai lebih daripada satu bahasa merupakan aset yang penting.

Singapura bertuah kerana Dasar Dwibahasa sejak 1967 masih utuh lagi setia dilaksanakan pemerintah.

Bayangkan jika tanpa tekad politik, apakah dasar ini terabai?

Kajian saintifik menunjukkan keupayaan berbilang bahasa mengangkat kecerdasan seseorang dan ‘aset’ kepada negara yang berdaya saing tinggi.

Mungkin inilah yang mendorong penulis *Hikayat Hang Tuah*, menonjolkan ciri wira silam Melayu iaitu Laksamana Hang Tuah, ahli pertahanan watan dan diplomat yang fasih 12 bahasa termasuk Arab, Cina sehingga Siam (Thailand).

Ungkapan Melayu menyebut ‘orang berbudi, kita berbahasa’. Ini bermakna dari pekerja kiriman sehingga elit Melayu (pemimpin, cendekiawan, profesional dan usahawan berjaya) perlu menjadi teladan dengan mereka menjulang dan lancar berbahasa Melayu.

Ingatlah: Berbahasa melengkapi dua lagi penanda jati diri (berbudaya Melayu dan beragama Islam) sebagai insan Melayu yang bermaruah.

9



SEMARAKKAN SENI PELIPUR LARA DALAM ZAMAN AI

PERNAHKAH anda terdengar istilah ‘pelipur lara’ (Jawi: رال روڤيڠڻ; di Indonesia) atau ‘penglipur lara’ (Jawi: ۽ارال روڤيڠڻ) di Brunei, Malaysia dan Singapura)?

Baru-baru ini seniman nusa, Afi Hanafi (nama sebenar: Hanafi Idrus, 1985–) ditonjolkan dalam Personaliti Detik terbitan BERITA Mediacorp di Saluran SURIA. Beliau seiras pelipur lara.

Penonjolannya bak mengimbas zaman silam pada kerja atau profesi pelipur lara iaitu khidmat seniman yang mahir atau pandai bercerita, bersyair, berdendang sehingga melakonkan watak demi menghiburkan khalayak.

Menurut sejarawan, dalam zaman insan buta huruf di desa dan serba kurang alat hubung, amat diperlukan pelipur lara yang menyampaikan sastera lisan demi mencari nafkah dari desa ke desa.

Tapi kini, di sebalik zaman canggih komunikasi dengan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI), banyak kajian jiwa mendapati bahawa insan kian lara dengan pelbagai masalah sehingga dijebak kemurungan (depression).

Di Singapura, setiap seorang daripada enam warganya didapati pernah dilanda kemurungan berat (Jabatan Statistik Singapura, 2021).

PAWANG ANA

Memang sudah lama adanya profesi yang boleh digolongkan sebagai pelipur lara seperti penyanyi, pemuzik sehingga pelakon drama hingga filem. Di istana Eropah, pelipur lara (court jester) dicari raja sebagaimana Khalifah Abbasiyyah, Harun Al-Rashid (memerintah: 786–809M) memerlukan lelucon Abu Nawaz (756–814M) untuk terhibur.

Dalam ilmu Pengajian Melayu, antara pelipur lara tersohor ialah Pawang Ana kerana menuturkan lima hikayat yang dikategorikan sebagai karya agung oleh Yayasan Karyawan Malaysia – *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*, *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Raja Muda*, *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dan *Hikayat Malim Dewa*. Semuanya disalin semula oleh Raja Yahya Raja Muhammad Ali dan diterbitkan oleh sarjana British, R.O Winstedt & R.J Sturrock pada tahun 1930-an.

Pawang Ana rakyat Perak. Menantunya, Mir Hassan berasal dari Kampar, Perak turut mengikuti jejak langkahnya dengan menuturkan Hikayat Seri Rama (1886), Raja Donan (1886) dan Raja Ambong (1886).

Asal Pawang Ana ialah daerah Rawa atau Rao, Sumatera Barat. Beliau berhijrah ke Kampung Pulai, Gopeng, Perak bersama gelombang hijrah orang Rao ke Semenanjung Tanah Melayu setelah tamat Perang Paderi (1816–1833).

Pawang Ana juga dukun handal, pendekar dan pernah menjadi hulubalang (pengapit pembesar) menurut budayawan langka Pahang, Zakaria Hitam (Pak Zek, 1912–) dalam bukunya, Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu (1997).

Ilmu firasat Pawang Ana dikagumi sejak peristiwa pembunuhan residen British pertama di Perak, JWW Birch di Pasir Salak pada 1875. Mayatnya tidak ditemui sesudah tiga hari dan tiga malam pasukan British menghilir Sungai Perak. Pawang Ana menemukannya – hanya 183 meter dari tempat kejadian.

NAUNGAN SENI

Sering ahli seni hidup sukar dan amat perlu naungan. Misalnya ‘busker’ atau seniman jalanan tidak akan bersemarak tanpa ruang, lesen dan tadbir urus pihak berwajib.

Masih ingatkah kita akan nasib pemuzik dua beradik, Nuradee, yang dirundung malang selepas rugi pelaburan dan masalah biaya perubatan?

Mujurlah, mereka dapat membuat persesembahan jalanan untuk bangkit kembali. Leonardo da Vinci (1452–1519) mungkin tidak menghasilkan lukisan Mona Lisa tanpa naungan keluarga Medici.

Bolehkah Singapura menjadi wadah pelipur lara dunia?

Tentu boleh. Pokoknya, beberapa prasyarat hendaklah dipenuhi seperti perundangan, ruang dan peluang serta jaminan hidup (termasuk insurans) untuk seniman atau pelipur lara.

Tampak Singapura kian menuju ke arah itu sejak tertubuhnya Majlis Seni Kebangsaan (NAC) yang menampilkan pelan induknya, Kota Kebangkitan, dalam pertengahan 1990-an. Pelan ini terus diperkemas kini menjadi Rancangan Seni SG (2023–2027).

Sewaktu wabak COVID-19 melanda, banyak acara lipur lara tergendala. Mujur golongan ini turut mendapat hibah daripada pemerintah Singapura untuk menakat.

Bagaimanapun, usaha NAC bersifat ‘ikhtiar pemerintah’. Hakikatnya, Singapura pernah mengalami ‘zaman emas’ perfileman dan muzik Melayu hasil bestari usahawan seperti Runme Shaw (firma Shaw Brothers) dan Loke Wan Tho (Cathay Keris).

Bagaimanakah melahirkan dan memupuk usahawan sedemikian sehingga seni hiburan Singapura dapat dikecapi di persada jagat?

TERAPI LARA

Banyak kajian jiwa telah membuktikan bahawa penderita murung boleh dirawat dengan terapi ‘pelipur lara’ seperti mendengar cerita, puisi, muzik sehinggalah diajak melukis dan menulis sastera serta sebagainya.

Bahkan mereka yang normal juga perlu terapi serupa untuk dapat menjalani kehidupan dengan rasa tenang atau sakinhah (istilah Quran/Arab). Namun apakah yang dianggap ‘terapi lara’ yang sesuai?

Pada zaman jahiliyah (awal zaman Rasulullah s.a.w), para penyair berbangga apabila karya mereka dapat melipurkan khalayak walaupun kesat dan lucah sehingga digantung sekitar Kaabah.

Selepas Islam menyerlah, seorang penyair, Ka'ab bin Zuhair, yang pernah menghina Rasulullah (s.a.w.) telah bertaubat. Baginda menghadiahkan 'burda'nya (jubah) kepada Ka'ab yang menggubah syair untuknya.

Sejak itu, tercetus tradisi puisi Islam yang mengarahkan kepada kesucian hati demi meraih keredaan Ilahi sebagai sakinah.

Antara puisi Islam yang dianggap amat universal sehingga digunakan luas di Barat ialah karya Jalaluddin Rumi, pengasas kumpulan sufi dan tari putar darwis di Konya, Turkiye (sebelum ini dieja:Turki).

INSAN ARIF BUDIMAN

Kurikulum (Sukatan Pelajaran) dan Pedagogi (Cara Mengajar) Bahasa Melayu di Singapura telah disemak pada 2005 yang antara lain menerapkan falsafah arif budiman. Dalam rangka 'pelipur lara' yang menjadi teras sastera Melayu silam, maka wajar unsur ini dikaji untuk diterapkan dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah.

Sejak dahulu orang Melayu dinilai 'arif budiman' bukan sahaja pada keluhuran budi dan ketinggian ilmu, tapi arif pada kemahiran berpantun sehingga bersyair, ujar Prof Ding Choo Ming, mahaguru terbilang Universiti Kebangsaan Malaysia.

Aspek ini wajar disulam dalam pelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah kita. Dan insan seperti Afi Hanafi bak pelengkap yang didamba demi mengasuh cerita teladan, pantun, syair hingga gurindam pada jiwa pelajar kita.

Pun ada baiknya: apa yang dipelajari secara 'pilihan' (elective) itu dapat diberi nilai sebagai galakan atau 'merit' dalam peperiksaan sehingga menjadi pembangkit rasa pada jiwa murid tadi untuk meneruskan jejak atau tradisi pelipur lara.

Jelaslah, betapa tergantungnya insan pada teknologi canggih seperti AI dan sebagainya, jiwa manusia masih mendamba lipur lara. Memanusiakan manusia kian mencabar mutakhir ini.

10



TEKAD BESAR MENGHIDUPI SASTERA

BERLANGSUNGNYA Majlis Anugerah Persuratan anjuran Majlis Bahasa Melayu (MBMS, sejak 1993) pada 11 November tahun ini bak mengisyaratkan bahawa kesusteraan Melayu masih bertahan di Singapura.

Sekuat mana isyarat itu?

Slogan atau mantera sastera dewasa ini tentulah berbeza sekali dengan zaman sukar 1950-an. Ketika itu, berlaku polemik meleret setahun – Seni Untuk Seni lawan Seni Untuk Masyarakat. Bahas usai setelah Angkatan Sasterawan '50 (ASAS '50) memilih yang kedua. Namun menurut Pendeta Dr Muhammad Ariff Ahmad (@Cikgu Ariff), antara 19 pendiri Angkatan Sasterawan '50 (ASAS '50), dalam memoirnya, Perjalanan MAS (2003), bahawa sebenarnya perjuangan penulis kreatif atau sasterawan ialah isu biaya.

Nama ASAS '50 disebut takzim Perdana Menteri Lee Hsien Loong ketika sambutan 200 tahun (1819–2019) pembukaan Singapura. PM Lee menyifatkan ia antara pertubuhan yang turut menyumbang kepada warisan Singapura. Sesudah ASAS '50, muncul pula beberapa kumpulan penulis yang tidak berdaftar kecuali Kumpulan Angkatan Muda Sastera (Kamus) yang masih bernadi sehingga kini.

IMEJ PENERBITAN SASTERA

Ada beberapa badan lain seperti Perkumpulan Seni, Kemuning Singapura sehingga Teater Ekamatra juga terkadang menerbitkan karya sastera.

Singapura pernah menjadi pusat kecendekiawan dan penerbitan Melayu di rantau ini (1850–1960). Namun bak kata Cikgu Ariff, kesuburan karya sastera sepanjang lebih seabad itu pun boleh dikatakan terhad.

“Dalam zaman saya, sering penulis tidak dibayar honorarium atau upah. Maka timbulah gelar penulis budiman,” katanya.

Suasana berubah selepas ASAS ’50 ditubuhkan pada Ogos 1950: Cikgu Ariff diminta menjelaskan erti ‘sastera’, kesusasteraan dan sasterawan dalam majalah *Mastika* (terbitan Utusan Melayu). Maka sejak itu, barulah tercetus dorongan ihsan penerbit untuk membayar imbalan penulis. Mentelah, ia merupakan antara teras matlamat perjuangan ASAS ’50.

Penulis sastera atau sasterawan Singapura mula bermata harapan atau optimis apabila Singapura berada dalam Persekutuan Malaysia (1963–65). Sayangnya, perpisahan terjadi sehingga antara lain mengakibatkan pasaran sastera dan filem Melayu beralih ke Kuala Lumpur. Hendak mengharapkan pasaran berbahasa Melayu yang lebih besar pula, sayangnya Indonesia sejak zaman Belanda sampai kini masih mengenakan dasar perlindungan ketat – mungkin suatu desakan perlu dibuat dalam rangka kerjasama ASEAN.

Sejak akhir 1960-an sehingga pertengahan 1990, penulis Singapura terpaksa merayu simpati penerbit di sini sehingga ke Seberang Tambak seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Penerbit buku Melayu di Singapura memang kecil dan jarang pula membayar imbalan dengan alasan ‘tiada untung’. Lainlah pula, jika karya tertentu dijadikan teks sastera di sekolah.

TANDUS SENI

Donald Moore (1923–2000), seorang ekspatriat dan antara usahawan seni di Singapura antara 1949 hingga 1976, pernah mengeluh bahawa Singapura merupakan “gurun seni” (*cultural desert*).

Menjelang abad 21, Singapura yang kian mempunyai ‘rizab negara’ yang ampuh, akhirnya memberikan sorotan kepada seni menerusi visi Kota Kebangkitan (*Renaissance City*). Hasil Pelan Induk Seni, maka terbentuk Majlis Seni Kebangsaan

(NAC) dan pelbagai prasarana sehingga jumlah muzium (awam dan swasta) di negara Titik Merah ini bercambah di luar jangkaan – 50 buah!

Perkembangan ini bak sinar kecil di hujung terowong gelap.

Menerusi NAC, tersedia geran sederhana bagi penerbitan karya kreatif sehingga promosi penulis menerusi Minggu Penulis dan pendedahan di pentas antarabangsa.

Tapi apakah kesannya pada sastera Melayu? Masih di “takuk lama” (sekadar menukil ulasan Rahman B, juri pada *Pesta Drama Sriwana* pada 1984).

Walaupun sudah ada gelar tertinggi bagi penggiat seni seperti Pingat Budaya (dengan geran kegiatan sehingga S\$80,000) dan juga Persuratan Melayu menerusi gelar Tun Seri Lanang, namun kesannya masih belum menimbulkan lejangan besar (great momentum).

Dalam pada itu, teknologi penerbitan dan komunikasi telah membolehkan karya sastera dipersembahkan ke seluruh jagat. Generasi muda pula kurang ghairah membelek buku lagi, kecuali dipaksakan kerana belajar. Trend ini dapat dipantau pada laporan Majlis Seni Kebangsaan (NAC). Ia tentulah amat menjelas hari muka sastera Melayu di sini.

Sejarah mencatatkan bagaimana peritnya penulis besar nusa, almarhum Mohamed Latiff Mohamed (1950–2022) dan rakan-rakan seangkatannya memecah tabung untuk membayai penerbitan karya mereka sendiri. Hakikatnya, sastera di nusa ini sering dipanggil ‘sastera surat khabar’ kerana hanya di Berita Harian/ Berita Minggu tertampung sajak, cerpen dan adakala kritikan sastera dari sejak 1970-an sehingga kini.

Suasana ‘wadah terhad’ ini selogiknya mendorong MBMS melakar rancangan penampungan sastera dalam wadah elektronik yang boleh diakses oleh jagat.

Dalam pada itu, dek nostalgia untuk cetakan, jumlah karya sasterawan setempat yang ingin dicetak bolehlah dihadkan – cukup-cukup untuk keperluan rak buku di perpustakaan sekolah dan awam serta diedarkan ke institusi berkepentingan di luar negara.

Memang boleh dibilang jari sasterawan kita yang berjaya menerobos pasaran rantau, apatah lagi antarabangsa. Yang boleh dikatakan berjaya ialah Isa Kamari (1960–) yang juga seorang jurubina pesara, almarhum Cikgu Mohamed Latiff dan juga sesepuh sastera dan guru pesara, Pak Suratman Markasan (1930–).

MENGORAK LANGKAH

Pernah dibahaskan bahawa ini berlaku kerana mutu sastera kita tidak mencapai piawai jagat atau kerana tiada usaha serius bagi penterjemahan ke Bahasa Inggeris, apatah lagi kurang penerbitan dan pemasaran yang strategik.

Jadi, kuatkah isyarat sastera Melayu Singapura menerusi Majlis Anugerah Persuratannya tahun ini?

Ini bukan persoalan bagi sasterawan kita dan pengajur acara, tetapi seluruh masyarakat Melayu dan juga Singapura.

Penggunaan Bahasa Melayu merudum di rumah, persatuan, masjid dan sebagainya dek kesan dominan Bahasa Inggeris.

Lambat-laun, sikap kurang ghairah masyarakat boleh memudarkan azam sasterawan mapan, apatah lagi yang baru mula berjinak-jinak mengubah cerpen dan sajak.

Bagaimana pula tekad dan keghairahan para pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu Lanjutan, mahasiswa Pengajian Melayu dan guru Bahasa Melayu?

Adakah sekadar untuk lulus peperiksaan sahaja sebagai motivasi mereka tanpa cita-cita untuk mendorong perkembangan sastera nusa?

diterbitkan pada 8 Okt 2023

11



MENJEJAKI RUMPUN MELAYU DAN MENYUSURI TAMADUN KEBANGGAANNYA

SELAIN mendapatkan artifak menerusi penggalian (arkeologi) sehingga hal catatan sejarah seperti kitab lama, para pengkaji kian beralih kepada bukti saintifik iaitu DNA (singkatan bagi *deoxyribonucleic acid*) iaitu molekul yang menyimpan data mengenai baka manusia.

DNA sering dikaitkan dari segi perubatan seperti mengenal pasti kecacatan baka sehingga hal siasatan jenayah dari segi forensik.

Namun mengkaji asal usul insan dan kelompok manusia, terutama perpindahan menerusi DNA, kian mencerahkan hasil yang dapat diyakini. Apa yang diperlukan ialah mendapatkan sampel darah atau sampel sel daripada dinding dalam pipi (mulut) yang dipanggil ujian ‘swab’.

TIGA MAHAGURU

Kesimpulan ini terpapar dalam *Seminar Jalinan Budi* yang pertama bagi tahun 2022 yang berlangsung secara maya pada 14 April lalu, anjuran Bahagian Bahasa dan Budaya Melayu, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia (ALC), Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang (NIE- NTU).

Ia disampaikan oleh tiga mahaguru ternama dari Universiti Sains Malaysia (Pulau Pinang) yang merupakan penerima geran kajian Endowmen Pengajian Melayu Dr Muhammad Ariff Ahmad (ringkasnya Dana MAS) iaitu: Profesor Dato' Seri Dr Md Salleh Yaapar, Professor Dr Zilfalil Alwi dan Profesor Madya Dr Mohammad Reevany Bustami.

Ketiga-tiga pembentang cuba membuktikan bahawa rumpun Melayu adalah antara kelompok terbesar di dunia dengan aspek-aspek sejarah, budaya dan bahasa yang tersendiri.

Dengan meneliti daripada pihak induk atau ibu (mitochondrial atau singkatannya, mtDNA) yang dianggap lebih mantap, para pengkaji ini telah menyusuri rumpun Melayu (juga disebut Melayu Mahawangsa) memang berasal dari Benua Sunda (Sundaland, yang menampung gugusan kepulauan Asia Tenggara dan Semenanjung Tanah Melayu). Mereka telah mengembangkan peradaban sehingga diketahui sejauh Yunani (Greece).

Apabila berlaku kejadian alam yang besar seperti bah dan ledakan gunung berapi (Toba dan Krakatoa) yang menenggelamkan Benua Sunda, sebahagian besar mereka (dikenali dengan istilah Malayo-Polynesia) telah keluar bertebaran sejauh Madagasy (Afrika), Yunan (di selatan China), Taiwan, dan belayar sejauh Hawaii dan Kepulauan Easter.

Lantaran itulah, banyak kekata Melayu ditemui dalam banyak dialek di rantau Pasifik.

Menurut Prof Salleh, teori-teori yang menyatakan rumpun Melayu berasal dari Yunan atau Taiwan sukar dipertahankan lagi.

Tanggapannya bak disokong beberapa laporan terkini, termasuk akhbar *South China Morning Post*, yang menukil hasil penggalian di Sichuan yang menunjukkan adanya tamadun yang lebih tua dan berbeza daripada tamadun China yang diketahui sejauh ini.

Malah kajian sejarawan Barat dan China mendapati bahawa dalam zaman seawal Dinasti Han (202SM-220M), orang rumpun Melayu (dipanggil Kunlun) yang terkenal sebagai pedagang, ahli pelayaran, pembuat kapal dan ahli seni bela diri, pernah mempengaruhi peradaban China.

Antara lain, pencak silat telah diperkenalkan di China oleh pemuka agama Buddha yang berasal dari Palembang (zaman Sriwijaya) dan kemudian dikenali sebagai 'kung fu'.

Malah jong (kapal layar) Melayu telah mempengaruhi seni membuat kapal di China.

IKATAN RUMPUN

Semasa zaman penjajahan Barat di Alam Melayu bermula dengan Portugis di Melaka sejak 1511M, rumpun Melayu sekali lagi ditebarkan keluar sebagai tahanan politik sehingga perhambaan.

Hal ini menjelaskan wujudnya petempatan Melayu di Sri Lanka, Afrika Selatan sehingga Surinam (di utara benua Amerika Selatan).

Menurut Prof Salleh, percubaan untuk ‘menyatukan’ rumpun Melayu (Pan Polynesia) telah dirintis oleh seorang raja Hawaii, Kalākaua (1838–1891) dengan sokongan para menterinya pada 1879.

Raja ini pernah bertemu Sultan Abu Bakar, Johor, pada 1881. Sayangnya, kerajaannya telah ditumbangkan oleh para pedagang Amerika Syarikat. Oleh itu, Prof Salleh berpendapat ‘tanah asal’ rumpun Melayu bukan sahaja di Asia Tenggara tetapi sejauh Malagasy sehingga Hawaii.

Prof Zilfalil telah menampilkkan ‘takrif’ orang Melayu berdasarkan sosiologi atau ilmu kemasyarakatan sehinggalah rumpun bahasa Austronesia.

Untuk memetakan baka orang Melayu, katanya, ada dua kajian yang boleh dilakukan dari segi kebakaan (genomik) dan linguistik (kebahasaan).

Dengan dua cara ini, pola migrasi atau perpindahan rumpun Melayu dapat dikaji.

Pihaknya telah menjalankan kajian berdasarkan sampel darah sejak 2006 dengan dana beberapa pihak.

Di Semenanjung Tanah Melayu, hampir semua suku kaum Melayu seperti Jawa, Bugis dan Minang mempunyai kaitan dengan Indonesia. Yang unik ialah masyarakat Kelantan didapati lebih mempunyai kesan baka India dan orang asli Semang.

MELAYU TANJUNG

Memandangkan kajian DNA turut dilakukan secara jagat, maka pihaknya telah bekerjasama dengan badan seperti HUGO yang mendapati bahawa pola

penghijrahan manusia bermula dari Afrika ke benua Sunda dan barulah kemudian ke bahagian Asia yang lain.

Dengan bantuan geran kajian Dana MAS bernilai S\$15,000, maka antara 1 September 2016 sehingga 31 Mac 2019, pihaknya telah mengkaji pola penghijrahan orang Melayu ke Afrika Selatan.

Mereka juga dibantu oleh Prof Himla Soodyal dari Afrika Selatan. Antara lain, kesimpulan kajian mereka mendapati memang ada pertalian erat dari segi keturunan antara Melayu Tanjung (Cape Malays) dengan Melayu di Nusantara bukan sahaja dari segi baka, bahkan bahasa sehinggalah amalan Islam, khususnya tasyaaf (hasil ajaran para guru, khususnya Syeikh Yusof Al-Makassari).

Dr Mohammad Revanny mendapati bahawa dari segi kehidupan Melayu Tanjung (Cape Malays) – pemakanan sehinggalah amalan beragama dan bermasyarakat, mereka memanglah tidak syak berketurunan Melayu.

Namun, mereka amat memerlukan jalinan teguh serumpun termasuk pengajaran Bahasa Melayu agar terus dapat menakat sebagai sebuah kaum yang unggul.

Antara ciri mereka yang menyerlah ialah kejujuran yang diyakini termasuk dalam kes di mahkamah.

Mengalu-alukan hasil kajian tiga mahaguru tadi, Prof Madya Dr Hadijah Rahmat, ketua ALC-NIE, yakin bahawa sumbangan Dana MAS, telah membantu dalam memahami serba sedikit mengenai tebaran rumpun Melayu.

Namun perjalanan masih jauh lagi dan kerana itulah, Dana MAS diharap dapat terus disuburkan demi memajukan Pengajian Melayu, bukan sahaja di Singapura malah di persada dunia.

Diterbitkan pada 15 Mei 2022

12



HAB DAN JAMBATAN BAHASA DAN BUDAYA JAGAT

BARU-BARU ini Institut Confucius, Universiti Teknologi Nanyang (NTU), telah melancarkan buku Profesor Leo Suryadinata yang menyorot empat penyair besar Nusantara, termasuk Dr Masuri SN dari Singapura. Ini merupakan buku kedua Prof Leo dalam rangka sebagai jambatan dwidunia, Cina dan Melayu. Apakah ertinya bagi peranan Singapura sebagai gerbang Asia dan jagat?

Buku kedua Dr Leo Suryadinata, 81 tahun, terbitan Institut Confucius di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) mempunyai lambang yang menjambatani dwidunia, Cina-Melayu.

Majlis pelancaran buku ini dirasmikan oleh Datuk Bandar CDC Tenggara dan AP GRC Marine Parade, Encik Fahmi Aliman pada 26 Februari lalu di Bangunan NLB.

Berjudul *Para Penyair Besar Indonesia, Malaysia dan Singapura*, buku setebal 250 halaman ini menampilkan empat penyair utama Nusantara. Mereka adalah Masuri S.N. (1926–2005) dari Singapura, Usman Awang (1929–2001) dari Malaysia, serta dua penyair Indonesia, Chairil Anwar (1922–1949) dan Gus Mus (nama sebenar: Ahmad Mustofa Bisri, 1944 –) dengan sajak-sajak utama mereka dalam bahasa asal iaitu Melayu/Indonesia dan diterjemah serta dikupaskan pula dalam bahasa Mandarin.

Selang pandang, usaha ini tampak mudah. Namun, untuk menyusuri proses pemikiran penyair pada karya mereka, menuntut syarat kehalusan kefahaman agar hasil terjemahan tetap memelihara maksud, fakta dan nuansa. Ternyata, ini suatu kerja yang amat mencabar.

Dr Suryadinata yang dikenali sebagai pakar sains politik memanglah ilmiawan luar biasa. Beliau menguasai Bahasa Mandarin, Melayu/Indonesia dan Inggeris. Beliau dilahirkan di Jakarta dan berhijrah ke Singapura pada 1950-an. Beliau merupakan antara segelintir siswazah ternama Universiti Nanyang (atau Nantah, dan kini NTU) yang terlibat dalam gerakan memasyarakatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan Singapura pada dekad 1960-an. Malah beliau sempat ‘belajar’ daripada Usman Awang, antara wartawan terkenal di akhbar Utusan Melayu yang diasaskan di Singapura.

“Biarlah saya jadi jambatan,” kata Pak Leo kepada saya ketika pelancaran buku pertamanya, *My City My Home*, juga terbitan Institut Confucius pada 2015. Baktinya dalam memupuk perpaduan masyarakat berbilang kaum juga mendapat sanjungan di Indonesia, lewat Anugerah Nabil yang diterimanya pada 2008.

“Ada kalanya rintangan bahasa menjadi penghadang kepada persefahaman. Oleh itu, kerja penterjemahan memanglah penting demi merungkai teras budaya dan memancarkan keindahan bahasa,” kata beliau yang mengambil masa empat tahun untuk menyiapkan buku ini. “Oleh itu, kerja penterjemahan merupakan tradisi penting dan diharap agar golongan muda dapat meneruskannya,” tambahnya.

MEMBINA TAMADUN

Menyusuri sejarah, kerja terjemahan bukanlah baharu bagi Singapura. Negara pulau ini pernah menjadi pusat penterjemahan karya-karya besar dari India dan China pada abad ke-13 dan awal abad ke-14 Masihi. Demikian menurut kajian Prof Teuku Iskandar, sarjana besar Aceh dan ketua editor pertama Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menerusi bukunya, “Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad” (1995).

Singapura menjadi penting selepas kejatuhan Palembang yang pernah menjadi pusat perdagangan dan pengembangan agama Buddha sewaktu zaman Empayar Sriwijaya (650–1300 Masihi).

Kedudukan Kerajaan Singapura menjadi rentan, antara lain, kerana kelemahan tadbir urus (*governance*) sehingga dialahkan oleh Empayar Majapahit.

Namun berhijrahnya raja terakhir Singapura, Parameswara, telah membawa kepada pembukaan Kerajaan Melaka pada 1400M. Ternyata, warisan amalan terjemahan dari Singapura telah dikembangkan di Melaka tetapi dalam rangka pengembangan Islam menerusi tulisan Jawi pula.

Peranan penterjemahan amat penting dalam pembangunan banyak tamadun.

Misalnya tamadun Islam dalam zaman Dinasti Umayyah (661–750M) telah memacu penterjemahan karya-karya besar dari Yunani (Greece), Parsi, China dan India. Apabila Dinasti Umayyah berpindah ke Sepanyol (750–1100M), penterjemahan masih merupakan bidang penting. Bahkan diakui bahawa karya besar pujangga Yunani seperti Aristotle sehingga Plato telah ‘diselamatkan’ untuk dimanfaatkan Eropah menerusi terjemahan dan komentar dalam Bahasa Arab oleh para pujangga Islam.

Bahkan kemajuan pesat Jerman dan Jepun sebagai kuasa perusahaan moden antara lain dibantu oleh penterjemahan.

Misalnya, Jepun bangkit daripada suasana lembab sewaktu zaman Pemulihan Meiji pada akhir abad ke-19M juga dipacu oleh usaha menghantar para pelajarnya ke Eropah dan usaha penterjemahan yang pesat di dalam negeri.

Kini, Korea Selatan dikatakan paling gigih dalam aspek penterjemahan dan ini adalah antara sebab yang mendorong kemajuannya sebagai gergasi perusahaan abad 21.

PERANAN SINGAPURA

Di majlis yang sama, ketua Kumpulan Akademik Bahasa dan Budaya Asia, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang (NIE/NTU), Prof Madya Dr Hadijah, mengingatkan betapa peranan penterjemah dan ilmiawan seperti Dr Leo amat penting dalam membina ikatan antara kaum.

Oleh itu, lebih ramai penterjemah diperlukan di Singapura dalam rangka menyebarkan ilmu dan persefahaman, hujahnya.

Sayangnya, usaha penterjemahan di Singapura sebagai suatu industri boleh dikatakan agak terbatas walaupun selepas dibentuk Jawatankuasa Penterjemahan

Nasional (NTC) di bawah riayah Kementerian Perhubungan dan Penerangan (MCI) pada 2014.

Hakikatnya, peranan NTC lebih khusus dalam aspek terjemahan di peringkat pemerintah atau sektor awam.

Dalam zaman British, Singapura kembali penting sebagai pemancar pemodenan rantau ini, terutama menerusi Bahasa Melayu dengan kegiatan terjemahan yang agak pesat.

Ia kemudian muncul sebagai hab kecendekiawan Melayu, pusat percetakan, perfileman dan muzik Melayu Nusantara.

Akhbar, majalah dan buku dari Singapura tersebar di seluruh rantau ini. Bahkan ‘kitab kuning’ yang digunakan oleh madrasah dan pesantren di rantau ini, pernah dicetak di Singapura.

Terakhir peranan percetakan Singapura dalam bidang buku agama Islam yang diterjemahkan daripada Bahasa Arab ke Melayu adalah menerusi usaha Pustaka Nasional dalam dekad 1960-an hingga awal 1980-an.

Karya-karya penulis Melayu paling prolifik, Harun Aminurashid (1908–1986) merupakan yang pertama mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) untuk diterjemahkan ke beberapa bahasa dunia.

Kemudian menyusul novelet (novel pendek), *Sarah Pengarang Kechil* karya Muhd Ariff Ahmad (Cikgu Ariff, 1924–2016) yang diterjemahkan ke Bahasa Mandarin dan amat laris digunakan dalam kempen Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan Singapura.

Sayangnya, Cikgu Ariff tidak menyedari noveletnya telah diterjemahkan sehingga diberitahu oleh seorang Cina penarik beca yang ditumpanginya!

Selain novel-novel Suratman Markasan dan M Latif Mohamed, pencapaian terbesar penterjemahan karya diraih oleh arkitek dan penulis, Isa Kamari (1960–) yang mendapat sambutan dalam beberapa bahasa, terutama Inggeris, Mandarin dan Turki.

Dengan peranan menonjol Singapura dalam bidang kewangan dan hab laluan udara dan laut dunia, jenama republik ini akan lebih kukuh dengan peranan penterjemahan karya yang menjadi ‘jambatan’ kepada persefahaman jagat.

Oleh itu, individu dan badan persuratan Melayu perlu turut memanfaatkan kelebihan penterjemahan. Mentelah terdapat insentif untuk menterjemah karya menerusi Dana Dwibahasa Lee Kuan Yew dan sebagainya.

Dengan sikap terbuka Kementerian Pendidikan (MOE) untuk menggalak pembelajaran bahasa ketiga untuk para pelajar sekolah, maka potensi Singapura kian menyerlah.

Seyogia, Singapura pernah menjadikan Switzerland sebagai ‘teladan’ dari segi kemajuan. Dan antara kejayaan Switzerland adalah ketangkasan warganya menguasai lebih daripada dwibahasa. Kita juga berpotensi maju ke arah itu.

diterbitkan pada 20 Mac 2022

13



JANGAN BIARKAN BAHASA MELAYU HIDUP MELATA

UNTUK menilai kekuatan Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa pengantar di Asia Tenggara, perlu dikaji proses sejarah yang dilaluinya sebagai lejangan untuk merancang dan membina masa depannya.

Demikian hujah Profesor Datuk Dr Awang Sariyan ketika menyampaikan Ceramah Arif Budiman ke-16 (21 Feb) anjuran Pusat Bahasa Melayu Singapura.

EMPAT GELOMBANG

Menurutnya, sekurang-kurangnya BM telah mengharungi empat gelombang peradaban di Asia Tenggara atau Nusantara – zaman Bahasa Melayu purba (200 hingga 600 Masihi), zaman Bahasa Melayu kuno (600 hingga 1400 Masihi), zaman Bahasa Melayu klasik (zaman kerajaan Melaka sehingga abad ke-17M) dan zaman baharu (sejak abad ke-18 Masihi sehingga kini).

Sewaktu Kerajaan Sriwijaya di puncak kuasa dalam abad ke-7M, I Tsing (atau Yi Ching), seorang sami Buddha yang belajar di Palembang, mengesahkan betapa hebatnya BM sebagai bahasa ilmu dan pengantar. Prof Awang pernah melawat pusat Buddha di kota tua Xi'an untuk membaca terjemahan tulisan I Tsing.

Malah BM pernah dianggap *lingua franca* oleh ramai sarjana silam seperti Francois Valentijn (1666–1727) dari Belanda yang berpendapat bahawa BM merupakan pengantar di jagat timur.

Jadi, mengapakah timbul keraguan tentang masa depan BM terutama dalam berdepan dengan suasana Bahasa Inggeris yang dominan?

DASAR PEMERINTAH

Menurut Prof Awang yang mempunyai kerjaya luas termasuk Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (agensi perancangan bahasa dan sastera Melayu) dan kini penyandang Kursi Za'ba di Universiti Pendidikan Sultan Idris, ada beberapa syarat penentu bagi masa depan BM.

Pertama-tama, ialah tekad politik pemerintah yang terpapar bukan sahaja pada dasar atau kebijakan, tetapi juga amalan terbaiknya.

Menggunakan contoh Malaysia, beliau berpendapat terdapat isu-isu yang belum lancar mengenai usaha untuk menempatkan BM di persadanya.

“Sejak terdapat perubahan dasar pendidikan untuk membolehkan Matematik dan Sains diajarkan dalam Bahasa Inggeris, atas alasan meningkatkan daya saing pekerja Malaysia, berlaku kecelaruan,” kata Prof Awang.

Menurutnya, kajian empirika (berdasarkan bukti sahih) di negara-negara seperti Jepun, Korea Selatan, China dan Taiwan menunjukkan bahawa kemajuan dalam dua mata pelajaran dapat dijayakan dengan Bahasa Ibunda iaitu bukan Bahasa Inggeris.

BM, hujahnya, sudah terbukti boleh menampung ilmu dengan begitu banyak istilah ilmu yang telah lama ada dan terus diciptakan menerusi kerjasama Majlis Bahasa Melayu Brunei, Indonesia dan Malaysia (MABBIM). Singapura sudah lama menjadi pemerhati dalam MABBIM. Selain menjadi negara anggota dalam Majlis Sastera Asia Tenggara sejak 2015.

SIKAP INDONESIA

Prof Awang memuji ketekalan pendirian Indonesia dalam menjayakan Bahasa Indonesia (BI) yang induk atau asalnya adalah Bahasa Melayu laras Riau. Selain

para pembesar Indonesia – dari presiden sehingga pegawai tinggi – bertutur rasmi dalam BI, seluruh jalur pengantar juga diadakan dalam BI.

Indonesia dengan 260 juta penduduk menampung penutur BM yang terbesar di dunia, diikuti dengan Malaysia, Singapura, Brunei dan selatan Thailand.

“Namun, tidak dapat dinafikan bahawa ada perbezaan kian ketara antara BM yang digunakan Brunei, Malaysia dan Singapura pada satu pihak dengan Indonesia. Hal ini cuba diatasi di peringkat Mabbim dengan mewujudkan bahasa supranasional yang dapat digunakan secara rasmi,” jelasnya.

Ketika menjawab apakah Bahasa Baku sebagai suatu yang realistik untuk rantau ini, Prof Awang menjelaskan:

“Kita perlu Bahasa Baku dari segi istilah sehingga sebutan untuk menyampaikan mesej yang dapat difahami semua orang. Memang tiada Bahasa Baku yang benar-benar standard. Misalnya Bahasa Inggeris juga berdepan dengan jurang antara Bahasa Inggeris Britain dengan Bahasa Inggeris Amerika.

“Namun Bahasa Inggeris dapat diterima sebagai bahasa antarabangsa kerana adanya istilah yang standard yang difahami oleh semua orang untuk keperluan rasmi. Maka begitulah perlu berlaku pada Bahasa Melayu.”

BAHASA BAKU

Prof Awang mengutarkan peri penting Kamus Bahasa Melayu Nusantara yang diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, yang cuba menjambatani perbezaan makna istilah.

“Contoh perkataan ‘kopek’ itu berbeza maknanya antara pantai Barat dengan pantai Timur Semenanjung Malaysia,” katanya sambil memberi contoh yang disambut derai tawa hadirin.

Di pantai Barat Semenanjung Malaysia, ‘kopek’ bermakna mengupas atau membuka sesuatu . Di bahagian utara Semenanjung pula, ‘kopek’ bererti dompet atau pundi-pundi wang. Namun, bagi masyarakat pantai Timur pula, ‘kopek’ sebagai suatu perkataan yang negatif dan sensitif bagi kaum wanita iaitu buah dada.

Sewaktu menyampaikan ceramahnya, Prof Awang memaklumkan kehadiran beberapa orang pelajar dari Universiti Pengajian Asing Beijing. Mereka menunjukkan kesungguhan dalam mempelajari BM, tambahnya.

"Oleh itu, sikap rumpun Melayu sendiri pada Bahasa Melayu hendaklah teguh untuk meluas dan meningkatkan penggunaannya sebagai bahasa harian sehingga keilmuan. Jika semangat dan usaha ini kekal teguh, Bahasa Melayu pasti mempunyai masa depan yang cerah," tegas Prof Awang.

Beliau menonjolkan pencapaian banyak negara dunia yang mengangkat darjat bahasa ibunda seperti China sehingga Jerman.

"Memang Bahasa Inggeris penting sebagai bahasa antarabangsa. Namun negara-negara ini maju kerana kekuatan Bahasa Ibunda masing-masing. Hal serupa boleh dicapai oleh Bahasa Melayu jika kita serius menanganinya," pesan Prof Awang kepada hadirin yang kebanyakannya guru BM, kalangan guru pakar BM dan Pengarah Pusat Bahasa Singapura, Encik Mohd Noh Daipi.

Hakikatnya, hujah Prof Awang yang juga perunding cara BM di Singapura, BM tidak boleh dibiarkan 'hidup' melata. Sebagai wahana, BM perlu direkayasa seperti membangun peristilahan khususnya kamus dalam talian (on-line dictionary) dan diajarkan dengan sistematik, serta dipelihara penggunaannya agar jelas, lancar dan tepat.

Oleh itu, pesannya, peranan pihak berkepentingan seperti Pusat Bahasa Melayu dan para guru BM di Singapura amat penting dalam proses rekayasa (engineering) agar BM mencapai matlamat jangka panjang dan terus relevan pada hari muka.

diterbitkan pada 26 Ogos 2020

14



MENGUKUR KEBERKESANAN BULAN BAHASA

BULAN Bahasa anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura yang dirasmikan Sabtu, 1 September ini berlangsung untuk dekad ketiga.

Peristiwa ini cukup bermakna dalam rangka mengenali jati diri orang Melayu dan pembentukan Singapura sebagai negara bangsa, sejarah dan kedudukan di lautan berbahasa Melayu Asia Tenggara.

Singapura berada dalam lautan penutur Bahasa Melayu di Asia Tenggara yang kini sekitar 300 juta jiwa. Dalam Perlembagaan Singapura, orang Melayu dinyatakan sebagai peribumi atau penduduk asal Singapura.

Bahasa Melayu merupakan Bahasa Kebangsaan dan satu daripada empat bahasa rasmi (Cina, Inggeris, Melayu dan Tamil) di Singapura. Dasar bahasa Singapura mengambil kira kemajmukan rakyat negara ini.

Ketika Singapura berpemerintah sendiri pada 1959, kesepakatan nasional tertinta untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Ia mengambil kira hasrat Singapura untuk menyertai Persekutuan Malaysia yang telah menobatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa utamanya.

Keputusan siasah tadi berlaku sesudah Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga yang dianjurkan di Johor dan Singapura pada 1956. Menurut antara peneraju kongres itu, almarhum Pendeta Dr Muhammad Ariff bin Ahmad (1924–2016):

“Selepas diadakan semacam peraduan, permatu atau cogan kata yang saya hasilkan ‘Bahasa Jiwa Bangsa’ telah diterima sebulat suara oleh kongres. Suasana kongres itu amat memberangsangkan dalam zaman merdeka untuk memartabatkan Bahasa Melayu.” (Cogan kata itu digunakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia, sehingga kini).

PENERIMAAN LUAS

Terdapat penerimaan meluas agar bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di Singapura. Menurut Puan Chan Maw Woh, 81 tahun, seorang wartawan veteran, sikap masyarakat majoriti iaitu kaum Cina ternyata menerima baik gagasan tadi.

Puan Chan dan suaminya, Prof Yang Quee Yee, telah menghasilkan banyak kamus Bahasa Mandarin, Melayu dan Inggeris.

Universiti Nanyang atau Nantah yang menjadi lambang keutuhan jati diri kaum Cina, terutama aliran pendidikan Cina di Singapura, telah memperkenalkan modul Bahasa Melayu untuk para mahasiswa. Ia mendapat sambutan menggalakkan. Kesatuan siswa Nantah telah menerbitkan warta dalam Bahasa Melayu bermuat eseи dan sastera.

MEREKAYASA BAHASA

Pemerintah Singapura telah merekayasa Bahasa Melayu dalam tulisan rumi sebagai bahasa pengantar menerusi Kementerian Kebudayaan yang diterajui Encik S. Rajaratnam.

Sebuah agensi, Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan (DBKM), telah dibentuk pada 1960. Menurut Dr Muhd Ariff, DBKM berperanan besar dalam mengadakan Bulan Bahasa yang pertama pada 1962 dan pelbagai acara termasuk Kongres Bahasa sehingga 1966.

Antara lain, DBKM pernah memanfaatkan khidmat sejarawan dan budayawan Indonesia, Profesor Slamet Muljana (1929–1986) yang kebetulan mengajar di Nantah.

Di samping itu, kelas bahasa diadakan di bawah naungan Lembaga Gerakan Pelajaran Dewasa. Ramai kakitangan awam lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan diberikan kenaikan pangkat atau gaji.

Dalam memoirnya, Perjalanan MAS (2003), Dr Muhd Ariff mendapati suasana belajar Bahasa Melayu di Singapura pada awal 1960-an sebagai amat rancak dan cerah.

Katanya kepada saya: "Malangnya, berlaku rusuhan kaum berdarah pada 1964, iaitu setahun selepas Singapura berada dalam Malaysia. Pelbagai peristiwa siasah yang lain menjelaskan ikatan rakyat sehingga akhirnya Singapura berpisah daripada Malaysia, untuk menjadi negara merdeka."

DASAR BAHASA DISEMAK

Sesudah perpisahan, pemerintah Singapura telah menyemak dasar-dasarnya secara pragmatik, termasuk kebahasaan. Bahasa Melayu tetap sebagai Bahasa Kebangsaan dan antara empat bahasa rasmi. Namun, Inggeris ditonjolkan sebagai bahasa kerja dan hubungan antarabangsa Singapura dalam strategi penakatannya.

Pada 1968, DBKM telah ditutup. Walaupun hal ini sudah dijangka, ia mendebaran Cikgu Ariff sehingga menderita serangan jantung yang memerlukan pembedahan.

Dalam pada itu, sekolah aliran vernakular atau yang menggunakan Bahasa Ibunda – Mandarin, Melayu dan Tamil kian kurang relevan dengan pemerkasaan Bahasa Inggeris. Akhirnya sekolah aliran Tamil yang terdahulu pupus dan diikuti dengan aliran Melayu.

Segelintir sekolah aliran Cina dapat bertahan hasil sokongan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Cina serta campur tangan pemerintah yang memberikan mereka status 'Sekolah Bantuan Khas' (SAP).

SIKAP ELIT MELAYU

Umumnya, elit Melayu menilai bahasa Melayu sebagai antara tiga penanda jati diri mereka, selain budaya Melayu dan agama Islam [rujuk buku 'Problems of Elite Cohesion' (1974) tulisan Ismail Kassim]. Pada tempoh sebelum dan baru merdeka, kebanyakan elit Melayu terdiri daripada guru, wartawan dan penulis serta segelintir profesional atau karyawan.

Cinta mereka pada Bahasa Melayu cukup ketara sehingga membawa kepada penubuhan sebuah badan induk yang dipanggil Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu (Majlis Pusat).

Menerusi Majlis Pusat, banyak isu orang Melayu seperti masa depan Bahasa Melayu diketengahkan secara terbuka atau disampaikan secara langsung kepada pemerintah.

Misalnya, selepas Perkampungan Sastera pada 1973, tertinta ketetapan agar diadakan Hadiah Sastera demi merancakkan persuratan Melayu. Majlis Pusat telah diminta sebagai antara penganjurnya.

PERANAN MAJLIS PUSAT

Pada 1982, Majlis Pusat telah menghidupkan semula Bulan Bahasa. Seyogia, Bulan Bahasa yang terakhir diadakan ialah pada 1966. Terdapat tanggapan bahawa usaha Majlis Pusat bertindak sedemikian sebagai reaksi langsung terhadap Kempen Bertutur Bahasa Mandarin yang mendapat sokongan pemerintah.

Presiden Majlis Pusat yang kedua ketika itu, Haji Mohd Yusof Ahmad (1925–1995), menyatakan bahawa orang Melayu, terutama generasi mudanya, berdepan dengan masalah bertutur Bahasa Melayu dengan baik.

Namun ketahanan Majlis Pusat dari segi kewangan dan kepimpinannya didapati melemah untuk meneruskan usaha mengadakan Hadiah Sastera dan Bulan Bahasa.

Menilai keadaan yang membimbangkan ini, Persatuan Wartawan Melayu Singapura pimpinan Saadon Ismail (1945–1987) telah menyarankan agar Jawatankuasa Bahasa Melayu (JBM), Kementerian Kebudayaan, mengambil alih dwikegiatan tadi daripada Majlis Pusat.

DIHIDUPKAN SEMULA

JBM ketika itu diterajui Hj Sidek Saniff, Setiausaha Parliment Kanan (Pendidikan). Beliau telah meyakinkan pemerintah mengenai peri penting dwikegiatan tadi mendapat sokongan negara. Bulan Bahasa telah dihidupkan semula pada 1988. Ia kemudian diadakan berselang seli dengan Hadiah Sastera yang kemudian dikenali sebagai Anugerah Persuratan.

Seyogia, dasar pemerintah yang secara aktif dalam bidang bahasa dan budaya mulai menyerlah dalam akhir 1990 dan dipacu kuat selepas dibentangkan pelan Kebangkitan Kota Seni Singapura.

Peranan JBM (yang kemudian dikenali sebagai Majlis Bahasa Melayu sejak 1992) memang besar dalam memastikan kesinambungan Bahasa Melayu di Singapura, walaupun tumpuannya hanya pada masyarakat Melayu sahaja.

JBM tidak bertindak sendirian tetapi menampilkan strategi dengan menyatukan seluruh gerakan persuratan dari individu, persatuan sehingga jawatankuasa kegiatan Melayu di balai rakyat atau kelab masyarakat.

SESUDAH 30 TAHUN

Jika dihitung tempoh dari 1988 sehingga kini, memanglah Bulan Bahasa sudah berusia 30 tahun. Namun jika dijangkau lebih jauh sejak ia diadakan pada 1962, Bulan Bahasa sudah berusia 56 tahun.

Hari ini terdapat beberapa institusi yang memperjuangkan bahasa Melayu, selain Majlis Bahasa. Singapura bertuah mempunyai Jabatan Pengajian Melayu Universiti Nasional Singapura, Unit Bahasa dan Kebudayaan Melayu di Institut Pendidikan Kebangsaan, Universiti Teknologi Nanyang, dan Pusat Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan.

Bilangan ilmiawan setempat dalam bidang bahasa dan kebudayaan Melayu juga telah bertambah.

Kian ramai guru Bahasa Melayu berkelulusan tinggi dari sarjana muda sehingga doktor falsafah. Tapi, apakah ini semua menandakan pengukuhan sebenar?

Singapura pernah melalui zaman ketika ia menjadi pusat cendekiawan, penerbitan dan gerakan kebangsaan Melayu, antara 1850 hingga 1960. Dari sinilah, lahir gerakan bersemangat untuk memajukan bahasa dan persuratan Melayu dalam mengisi visi hari muka.

UKUR TARA KEJAYAAN

Faktor semangat inilah yang menjadi keprihatinan Dr Muhd Ariff Ahmad. Dalam wawancaranya yang diabadikan di dalam buku ‘Yang Terukir’ (2015), beliau merakamkan rasa bimbang bahawa Bulan Bahasa kian mengarah kepada acara menghiburkan sahaja.

Ia semacam suasana perayaan tanpa kehadiran semangat sebenar dalam nurani masyarakat Melayu. Apakah nanti tanpa sokongan pemerintah, Bulan Bahasa dan kegiatan bahasa serta persuratan akan melemah?

Ukur tara kejayaan merekayasa bahasa Melayu perlu dinilai pada semangat dan visi generasi muda Melayu dalam mengukuhkan jati diri dan membina pencapaian yang mulia.

Diterbitkan pada 30 Ogos 2018

15



KUDA KEPANG DALAM BATAS SENI

DI MANA ada ramai orang Jawa berkumpul (tebaran atau diaspora Jawa), di situ lah biasanya ada kuda kepang.

Begitulah kata-kata Pendeta Dr Muhd Ariff Ahmad (Dr MAS, 1924–2016) yang berketurunan Jawa mengenai akrabnya hubungan orang Jawa dengan seni leluhurnya, walaupun meresap dalam kesatuan besar yang dipanggil Rumpun Melayu.

Singapura tidak terkecuali, memandangkan keturunan Jawa membentuk majoriti (sehingga 60%) ‘rumpun’ Melayu di Singapura.

KEMBALI MEKAR

Seni kuda kepang dikatakan mekar semula di Singapura. Terdapat sekitar 45 kumpulan dengan 1,400 ahli dalam tempoh 16 tahun (2008–2024). Padahal, ia pernah mengalami suasana ‘kemarau’ sebelum ini.

Demikian lapor akhbar Berita Harian yang menukil Presiden Persatuan Kuda Kepang Singapura (PKKS), Encik Iswandiarjo Wismodiarjo. Ertinya, lewat ‘organisasi’ atau gerakan lebih tersusun, maka seni ini mendapat suntikan segar.

Perkembangan inilah yang menjadi latar bagi peringatan atau irsyad MUIS yang dipinta oleh pihak Jabatan Pelesenan Polis dan Penguasa Pembangunan Infokom Media (IMDA) mengenai kuda kepang.

MUIS mendapati bahawa sesetengah amalan dalam persesembahan seni ini masih bercanggah dengan Islam seperti perbuatan kesurupan (juga disebut sebagai ‘suwai’ atau ‘menurun’) sehingga membolehkan pemainnya menunjukkan aksi makan kaca dan minum air berbaldi-baldi.

Menurut Encik Iswandiarjo yang juga memimpin kumpulannya, Kesenian Tedja Timur (ditubuhkan pada 1948 dan antara kumpulan kuda kepang tertua di sini), PKKS berusaha mengadakan penyesuaian demi memastikan agar seni kuda kepang tidak bercanggah dengan Islam.

ADAT BERSENDIKAN SYARAK

Baik Dr MAS mahupun budayawan besar Riau, Dr Tenas Effendy (1935–2015) berpendapat bahawa rumpun Melayu telah mengambil takrif bahawa seseorang dianggap ‘Melayu’ kerana berbahasa dan berbudaya Melayu serta beragama Islam. Hal ini begitu indah ditancapkan pada perbilangan (peribahasa undang-undang) Minang:

*Adat bersendikan syarak
Syarak bersendikan Kitabullah
Syarak mengata, adat memakai.*

Jelaslah aspek ‘Islam’ yang menjadi binaan (struktur) besar (super structure) yang menentukan kebudayaan rumpun Melayu – tidak kira asal daripada suku terbesar Jawa atau sekecil Bawean. Prof Muhammad Naquib Al-Attas (1932–) dan Prof Dr Hamka (1908–1981) menegaskan bahawa Islam yang membawa ‘peradaban’ pada kepercayaan dan hubungan sesama insan dalam setiap aspek hidup orang Melayu termasuk seninya.

Banyak aspek seni Melayu dari makanan sehingga menyambut tahap usia yang dahulunya didapati bercanggah dengan Islam kian ‘diluruskan’. Misalnya, dari segi pakaian, wanita Melayu dahulu hanya berkemban tetapi kemudian memakai baju kurung dan berkerudung (berselendang).

Minuman Melayu dahulu termasuklah tuak yang memabukkan telah disingkirkan. Begitu juga dengan penggunaan bahan ‘kebal’ dalam seni pertahanan diri seperti ganja sehingga jampi dan mantera yang memuja kekuatan juga telah ditinggalkan.

Demi kian mematuhi syarak, sesetengah seni persembahan telah dilarang sehingga pupus seperti Mak Yong dan Main Puteri yang mengandungi unsur magis yang ditegah oleh kerajaan Islam negeri Kelantan.

ASAL USUL

Kesenian kuda kepang atau lumping dianggap kesenian jathilan (istilah Jawa: bermakna mencampurkan gerak tari dengan upacara atau ritual). Ia juga disebut (kuda) jaran kepang. Namun, istilah ‘kuda lumping’ lebih dikenali di Jawa Tengah dan seluruh Indonesia.

Sebagai seni yang menjadi jati diri wong Jowo (orang Jawa), kuda kepang sudah berkembang meluas di rantau ini sehingga ke Surinam (Amerika Selatan), Hongkong, Belanda dan Amerika Syarikat. Oleh itu, ia sudah diangkat sebagai seni jagat sebagaimana pencak silat sudah memasuki gelanggang dunia.

Terdapat pelbagai versi tentang asal usul kuda kepang termasuk yang mengaitkannya dengan pengembangan Islam di Tanah Jawa:

- Warisan zaman primitif yang mempunyai upacara atau ritual yang sifatnya magis atau upacara adat. Semua bahan yang digunakan awalnya sangat sederhana, tetapi terus berubah dan berkembang seiring peredaran masa.
- Paparan sokongan penuh atau penghargaan rakyat jelata terhadap perjuangan Pangeran Diponegoro (1785–1855) dan pasukan kudanya dalam mengusir dan melawan penjajah Belanda yang masuk ke Jawa pada 1595.
- Melambangkan perjuangan Sunan Kalijaga (1450–1592) dan Raden Patah (1455–1518) berserta pasukannya dalam meluaskan dakwah Islam di Nusantara.
- Ia berasal daripada pemaparan proses latihan pasukan perang Kerajaan Mataram pimpinan Sultan Hamengku Buwono I dalam menghadapi penjajah Belanda, dan
- Menceritakan tentang seorang raja tanah Jawa yang sangat sakti.

Suasana interaksi budaya di Indonesia dikatakan lebih ‘tenang’ dan ‘harmoni’ dalam menanggapi soal percanggahan kesenian setempat dengan Islam. Menurut cendekia besar Indonesia yang ternama, Prof Dr Azyumardi Azra (1955–2022), tindakan Wali Songo dalam mengislamkan Tanah Jawa pada abad ke-14 hingga 15 Masihi telah berlaku secara peka, tenang dan bijaksana. Misalnya, Sunan Kalijaga telah menggunakan wayang kulit untuk menyebarkan cerita-cerita Islam sehingga menambat hati rakyat jelata.

PERBANDINGAN

Jiran terdekat Singapura, iaitu Johor telah melarang amalan ‘magis’ dalam persembahan kuda kepang menerusi fatwa Majlis Agama Islam Negeri Johor pada tahun 2009.

Selain Johor, kuda kepang juga popular di Selangor. Inilah dua negeri di Malaysia yang mempunyai penduduk berdarah Jawa yang tinggi sejak kemasukan perantau Jawa dalam 1920-an.

Media Malaysia melaporkan bahawa Yayasan Warisan Johor turut bertanggungjawab dalam menghidupkan dan meluaskan kesenian warisan, termasuk kuda kepang. Penggiat seni budaya dan pelukis Malaysia, Encik Mahdzir Ibrahim, berpendapat tiada salahnya kuda kepang dipopularkan selagi menuruti lunas-lunas agama dan dipersembahkan sebagai hiburan yang menyenangkan.

Jelaslah ‘batas’ seni perlu ada dalam hiburan rumpun Melayu yang beragama Islam. Proses ini berterusan sejak abad ke-7 apabila Islam sampai secara aman di rantau ini. Peranan mubaligh Islam yang datang berdagang dengan adab yang indah telah menambat hati raja sehingga rakyat jelata tulis Mufti Johor Syed Alwie Tahir Al-Hadad (1884–1962) dalam buku terkenalnya, *Sejarah Masuknya Islam di Timur Jauh*.

Oleh itu, percubaan Sunan Kalijaga yang ‘merobah’ seni rakyat untuk tujuan dakwah menunjukkan kesenian setempat boleh diterima dalam Islam menerusi ubah suai kreatif.

Di Singapura, penyelidik seni, Encik Zulkifli Mohamed Amin, dipetik media sebagai berkata bahawa minat terhadap kuda kepang bangkit semula disebabkan adanya usaha untuk menghidupkan semula budaya, wujudnya pendidikan serta pengaruh media sosial.

Oleh itu, ada baiknya jika asatizah kita cuba berperanan seperti Sunan Kalijaga dalam menilai, menyemak dan mengadunkan seluruh jajaran seni warisan, termasuk kuda kepang.

Begitu juga pengamal seni dari dramatis sehingga penyanyi rok boleh juga berbuat serupa untuk mengharmonikan daya kreatif mereka tanpa menimbulkan percanggahan pada agama.

diterbitkan pada 25 Julai 2024



Mohd Raman bin Daud (1957–) ialah siswazah kohort terakhir Universiti Singapura (1977–1980, kini Universiti Nasional Singapura). Beliau pernah menjadi guru, penulis skrip tetap Unit Drama Perbadanan Penyiaran Singapura (1980–1984, kini Mediacorp) sehingga bersara sebagai editor rencana dan wartawan kanan di Berita Harian/Berita Minggu (1984–2016).

Sebagai aktivis masyarakat, beliau pernah turut memimpin Persatuan Wartawan Melayu Singapura, Majlis Pusat Singapura, Perikatan Tulisan Jawi Singapura, Angkatan Sasterawan '50, ahli pengasas Majlis Bahasa Melayu serta pencetus dan antara pembina Dana Pengajian Melayu Dr Muhammad Ariff Ahmad (Dr MAS di Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang (NIE-NTU).

Beliau pernah meraih anugerah dalam bidang bahasa, sastera dan kewartawanan Melayu, serta menghasilkan ratusan skrip drama televisyen, sejumlah drama pentas, cerpen dan puisi.

Selain menyunting sejumlah buku termasuk memoir dan adikarya Dr MAS dan para tokoh Melayu Singapura, beliau merupakan nara sumber gerakan persuratan dan di beberapa agensi negara, termasuk Majlis Kesenian Kebangsaan (NAC).

"Terbitnya kumpulan eseи ini sempena memperingati Seabad Kelahiran Dr MAS adalah penghargaan bukan sahaja kepada saya tetapi juga seluruh watan ini yang terletak dalam lautan berbahasa Melayu. Ia menunjukkan negara titik merah ini terus menjulang dan memajukan warisannya."

-Penulis